

Demografi Pengundi dan Persaingan Parti Politik Melayu di Negeri Perak dalam Pilihan Raya Umum ke-13 hingga ke-15

Voter Demographics and the Malay Political Party Competition in Perak in the 13th to 15th General Election

Muhammad Hafiz Isa

Penyelidik bebas, No. 9, Jalan Koperasi 11, Taman Perpaduan Koperasi, 31400, Ipoh, Perak, Malaysia

*Corresponding Author : hfzhafiz25@gmail.com

Abstrak

Demografi negeri Perak yang memiliki bilangan majoriti pengundi Melayu tertumpu di dua bahagian. Tumpuan majoriti pengundi Melayu tersebut berada di kawasan sepanjang aliran Sungai Perak dan kawasan di bahagian utara negeri Perak. Dua bahagian geografi di Perak ini memiliki jumlah populasi besar orang Melayu dengan membawa bersama bilangan kawasan majoriti pengundi Melayu yang tinggi. Seterusnya menjadikan kawasan ini sebagai tumpuan persaingan politik Melayu. Justeru itu, penelitian terhadap dua kawasan ini adalah penting dalam menilai keadaan persaingan politik Melayu di negeri ini. Objektif penulisan bertujuan menganalisis pola pengundi Melayu dan persaingan parti politik Melayu melibatkan kerusi DUN di kawasan sepanjang aliran Sungai Perak dan bahagian utara negeri. Analisis dilakukan dengan menumpukan penelitian terhadap beberapa siri Pilihan Raya Umum (PRU) iaitu melibatkan PRU-13 hingga PRU-15. Kajian mendapati bahawa dua kawasan tumpuan pengundi Melayu ini memiliki ciri-ciri identiti politik Melayu dan perbezaan pola pengundian. Persaingan politik Melayu melibatkan dua kawasan ini pula tertumpu kepada pertembungan antara UMNO dan PAS. Latar sejarah dan ciri identiti politik berdasarkan budaya dan agama menjadikan dua parti politik ini memiliki tempat dalam sokongan pengundi Melayu.

Kata Kunci: Identiti Politik; Politik Negeri Perak; Pilihan Raya Umum; UMNO; PAS.

Abstract

The demographics of Perak has a majority number of Malay voters which is focused on two areas. The majority of the Malay voters live in the area along the Perak River and in the northern part of Perak. These two geographical areas have a large population of Malays and has a high number of Malay majority voter areas. Thus making this area as the focus of Malay political competition. Research on these two areas is important to study about the Malay political competition in this state. Therefore, the objective of this article is to analyze the pattern of Malay voters and Malay political party competition for state assembly seats in areas along the Perak River and the northern part of State. The analysis focuses on several series of General Elections, namely GE-13 to GE-15. The research found that these two areas have characteristics of Malay political identity and difference in voting patterns. Malay

political competition in these two areas is focused on the clash between UMNO and PAS. The historical background and characteristics of political identity, which are based on culture and religion making these two political parties have the grassroots support of the Malays.

Keywords: Political Identity; Perak Politics; Malaysia General Election; UMNO; PAS

PENGENALAN

Negeri Perak memiliki jumlah populasi sebanyak 2,496,041 juta orang yang dicatatkan pada tahun 2020. Berdasarkan jumlah tersebut, bilangan orang Melayu pada tahun 2020 berjumlah 1,364,764 juta orang iaitu mewakili sebanyak 54.7 peratus daripada jumlah populasi di negeri Perak. Jika dicampurkan dalam kelompok Bumiputra secara keseluruhannya ialah 1,439,652 juta mewakili 60.9 peratus. Orang Melayu merupakan kaum majoriti daripada dua kaum utama lain iaitu kaum Cina yang merupakan 25.8 peratus dan kaum India pula sebanyak 10.8 peratus.¹

Dewan Undangan Negeri Perak memiliki sebanyak 59 kerusi secara keseluruhan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 39 kerusi di negeri Perak memiliki bilangan melebihi jumlah 50 peratus pengundi Melayu. Bilangan tersebut menjadikan kuasa undi Melayu memiliki blok undi yang begitu penting untuk dikuasai dalam pilihan raya. Hal demikian seterusnya mewujudkan persaingan melibatkan parti politik Melayu dalam meraih sokongan pengundi Melayu. Berdasarkan demografi negeri Perak, kawasan tumpuan majoriti pengundi Melayu tertumpu di dua bahagian. Pertama, kawasan di sepanjang aliran Sungai Perak. Kedua, kawasan Melayu di bahagian utara negeri Perak. Sementara itu, kerusi majoriti pengundi Melayu ini sebenarnya tidak hanya berada di dua kawasan tumpuan seperti disebutkan. Juga terdapat kerusi pengundi Melayu bagi kawasan lain di negeri Perak iaitu kerusi DUN Manjoi, Hulu Kinta, Tebing Tinggi, Pengkalan Baharu, Tualang Sekah, Sungai Rapat, Ayer Kuning, Pasir Panjang, Pangkor, Slim dan Behrang. Walau bagaimanapun kajian ini memfokuskan dua bahagian kawasan iaitu di sepanjang aliran Sungai Perak dan kawasan bahagian utara negeri Perak. Hal demikian kerana dua kawasan ini memiliki tumpuan majoriti pengundi Melayu dan ciri pola pengundian berdasarkan identiti politik Melayu. Perkara tersebut dapat diperhatikan dengan membuat penelitian ke atas siri pilihan raya terdahulu dalam memahami pola pengundi Melayu terhadap parti politik dan persaingan parti politik Melayu.

Latar sejarah dan faktor demografi merupakan aspek penting dalam memahami ciri identiti politik yang mempengaruhi pola pengundian bagi sesuatu kawasan pilihan raya. Perkara ini dijelaskan Mohd Yusof Kasim dan Azlan Ahmad (2002) yang membincangkan mengenai situasi politik Pilihan Raya Umum tahun 1999. Perbincangan ini menjelaskan hubungan faktor kewilayah dan pola pengundian yang telah membentuk persaingan politik terutamanya persaingan melibatkan identiti politik kaum. Terdapatnya penguasaan parti politik yang berbeza mengikut faktor kewilayah. UMNO berjaya membentuk penguasaan bagi kawasan undi Melayu dibahagian Pantai Barat. Manakala, pola pengundian orang Melayu dibahagian Pantai Timur pula cenderung memihak kepada PAS yang berjaya membentuk penguasaan politik terutamanya di Kelantan dan Terengganu.²

Perbezaan pola pengundian bagi kawasan majoriti pengundi orang Melayu juga terdapat di negeri Perak. Namun begitu penulisan sedia ada mengenai pola pengundi Melayu di Perak hanya meletakkan fokus perbincangan bagi sesebuah kawasan pilihan raya. Misalnya, Junaidi & Rosniza Aznie (2021) telah menumpukan Parlimen Pasir Salak iaitu kawasan yang berada dibahagian aliran Sungai Perak. Kajian mendapati bahawa penguasaan UMNO adalah disebabkan faktor feudalisme yang berjaya mengikat sentimen dan kesetiaan pengundi. Disifatkan sokongan akar umbi kuat milik UMNO telah memberi kelebihan kepada parti itu untuk membentuk penguasaan dikawasan ini. Berbeza pula persaingan politik bagi sebuah kawasan dibahagian

utara negeri iaitu Parlimen Bagan Serai yang mencatatkan persaingan lebih seimbang. Junaidi Awang Besar, Rosmadi Fauzi dan Mohd Muslim Said (2021) menyebutkan UMNO dan PAS memiliki sokongan orang Melayu yang seimbang dengan kewujudan kubu kuat mengikut kawasan daerah mengundi. Berdasarkan kajian yang dilakukan dapat difahami bahawa identiti politik parti, ideologi politik Islam dan politik pembangunan merupakan faktor penting yang mengikat sokongan pengundi dikawasan ini.³

DEMOGRAFI PENGUNDI MELAYU

Sepanjang Aliran Sungai Perak

Sungai Perak memiliki hubungan dekat dengan orang Melayu negeri Perak berdasarkan faktor sejarah. Sungai Perak mencatat sejarah penting berdirinya kesultanan negeri Perak dan petempatan masyarakat Melayu tradisional di sepanjang aliran sungai. Peristiwa penting berdirinya Kesultanan negeri Perak bermula dengan kedatangan Raja Mudzaffar dari Kampar yang diangkat sebagai raja pada tahun 1528. Baginda berkenan untuk diangkat sebagai raja setelah menerima rombongan daripada wakil pembesar iaitu Tun Saban bersama-sama Nakhoda Kasim.⁴ Kedatangan baginda bermula di muara Sungai Perak iaitu Beting Beras Basah telah disambut oleh pembesar dan rakyat jelata. Raja Mudzaffar yang ditabalkan sebagai Sultan negeri Perak pertama mula mendirikan pusat pemerintahan di Tanah Abang. Lokasi pusat pemerintahan tersebut berada di pesisir Sungai Perak yang kini dikenali Teluk Bakong iaitu berada di Lambor Kanan daerah Perak Tengah.⁵ Pusat pemerintahan kesultanan negeri Perak sering berpindah tetapi perpindahan tersebut tetap berada di sepanjang tebing Sungai Perak. Bermula dengan lokasi persemayaman sultan pertama di Tanah Abang iaitu berada di bahagian kanan sungai iaitu dari hilir Sungai Perak. Kota Geronggong, Berahman Indera (Bota Kanan), Pulau Cempaka Sari (Pulau Indera Sakti), Pulau Besar Indera Mulia merupakan antara lokasi pemerintahan yang berada di sepanjang bahagian kanan Sungai Perak.⁶

Semasa pemerintahan Sultan Idris Murshidul'azam Shah (Sultan Perak ke-28), baginda memilih Bukit Chandan sebagai lokasi bersemayam pemerintahan kesultanan negeri Perak yang terletak di bahagian kiri Sungai Perak. Lokasi istana kesultanan negeri Perak yang berada di Bukit Chandan ini kekal sehingga kini.⁷ Secara umumnya, masyarakat Melayu secara tradisionalnya menumpukan kawasan di sepanjang lembangan sungai sebagai lokasi petempatan dan pemerintahan. Kehidupan masyarakat Melayu bergantung kepada aliran batang sungai sebagai sumber kehidupan serta medium laluan perhubungan dan pengangkutan.⁸ Dalam sistem politik tradisional juga, pembesar Melayu memiliki penguasaan melibatkan bahagian tertentu sepanjang aliran sungai.⁹ Lokasi pusat pemerintahan yang berada di Sungai Perak terus menjadikan sungai ini sebagai tumpuan petempatan masyarakat Melayu tradisional sejak awal berdirinya kesultanan negeri Perak darul Ridzuan.

Kawasan sepanjang aliran Sungai Perak dalam konteks politik masa kini secara keseluruhannya memiliki sebanyak 17 kerusi Dewan Undangan Negeri Perak yang terdiri daripada 9 kawasan Parlimen. Berdasarkan jumlah itu, 15 kerusi DUN merupakan kawasan tumpuan pengundi Melayu di sepanjang aliran sungai meliputi hulu ke hilir Sungai Perak. Semua kerusi DUN yang berada di sepanjang aliran Sungai Perak ini berada dalam lima daerah berbeza. Daerah tersebut meliputi Hulu Perak, Kuala Kangsar, Perak Tengah, Hilir Perak dan Bagan Datuk. Namun begitu, terdapat 2 kerusi DUN tidak memiliki jumlah majoriti pengundi Melayu yang tinggi iaitu DUN Pasir Bedamar dan Hutan Melintang. Berdasarkan data Pilihan Raya Umum ke-14, DUN Pasir Bedamar yang berada dalam Parlimen Teluk Intan memiliki jumlah tinggi pengundi bukan Melayu sehingga mengatasi bilangan pengundi Melayu. Undi kaum Cina sahaja mewakili sebanyak 70.41 peratus dan kaum India mewakili 13.79 peratus.¹⁰ DUN Hutan Melintang yang terletak dalam parlimen Bagan Datuk pula memiliki jumlah 54.11

peratus pengundi Melayu. Namun begitu, jumlah pengundi Melayu yang melebihi 50 peratus ini hanya dicatatkan pada PRU-14. Sedangkan jumlah pengundi Melayu pada PRU-13 pula hanya mencatatkan sebanyak 49 peratus. Sehubungan itu, kajian memberi tumpuan kepada 15 kerusi DUN di kawasan sepanjang aliran Sungai Perak yang memiliki jumlah tinggi pengundi Melayu tanpa melibatkan DUN Hutan Melintang.

Jadual 1.1, Kerusi DUN di Sepanjang Aliran Sungai Perak dan Peratusan Pengundi Melayu pada PRU-14					
50% >		60% >		80% >	
DUN	(%)	DUN	(%)	DUN	(%)
N21 Lintang	56.49%	N1 Pengkalan Hulu	74.05%	N3 Kenering	84.49%
		N2 Temengor	65.39%	N4 Kota Tampan	82.1%
		N20 Lubok Merbau	75.01%	N19 Chenderoh	80.89%
		N35 Manong	71.81%	N39 Belanja	87.15%
		N34 Bukit Chandan	68.72%	N40 Bota	97.18%
		N49 Sungai Manik	66.18%	N50 Kampong Gajah	94.08%
		N53 Rungkup	68.46%		
		N56 Changkat Jong	63.25%		

Sumber: The Star 2018

Jadual 1.1 menjelaskan kerusi DUN di sepanjang aliran Sungai Perak yang memiliki tumpuan pengundi Melayu. Pecahan undi berdasarkan kaum ini diambil daripada data PRU-14 dengan mengambil kira jumlah peratusan pengundi Melayu tanpa mencampurkan bilangan pengundi Orang Asli dan Bumiputra lain. Kawasan di sepanjang aliran Sungai Perak memiliki kuasa undi Melayu yang besar dengan terdapat 6 kerusi DUN yang memiliki peratusan tinggi pengundi Melayu iaitu melebihi jumlah 80 peratus. Seterusnya, terdapat 8 kerusi memiliki jumlah melebihi 60 peratus undi Melayu.¹¹ Terdapat satu kerusi mencatatkan bilangan pengundi Melayu melebihi 50 peratus iaitu DUN Lintang iaitu 56.49 peratus.¹²

Kawasan Utara Negeri Perak

Kawasan sekitar utara negeri Perak pada awalnya dikatakan tidak berpenghuni dan merupakan kawasan terpencil yang tidak begitu diberi perhatian dalam pemerintahan kesultanan Perak. Hal demikian kerana kawasan ini berada jauh daripada aliran Sungai Perak yang merupakan lokasi utama pemerintahan dan petempatan masyarakat Melayu Perak. Kawasan sekitar utara terutamanya Kerian yang bersempadan dengan negeri Pulau Pinang dan Kedah mula mendapat perhatian setelah berlakunya penghijrahan orang Melayu dari Kedah dan Seberang Perai.

Wilkinson mencatatkan penghijrahan masuk ke Kerian mula berlaku pada awal abad ke-19.¹³ Terdapat dua fasa penghijrahan masyarakat Melayu daripada Kedah dan Seperang Perai ke Kerian iaitu melibatkan tempoh tahun 1816-1860 sebagai fasa pertama. Manakala, fasa kedua melibatkan tempoh tahun 1860 hingga 1873. Penghijrahan pada tempoh fasa pertama dipengaruhi berdasarkan faktor politik berikutan tindakan Siam yang mengarahkan Kedah untuk menyerang Perak. Dalam tempoh ini juga, terdapat gelombang penghijrahan disebabkan faktor suasana tidak aman di Kedah dan mengelak kekejaman pemerintahan Siam. Fasa kedua iaitu melibatkan tempoh tahun 1860 hingga 1873 pula dipengaruhi berdasarkan faktor ekonomi. Kawasan Kerian menjadi pilihan masyarakat Melayu dari Seberang Perai yang mengalami masalah kekurangan tanah subur dan faktor kesesuaian aktiviti penanaman padi.¹⁴

Kawasan utara negeri Perak memiliki sejarah penting dalam pertumbuhan kesedaran politik Melayu terutamanya melibatkan golongan nasionalisme berlatar belakang agama.

Pertumbuhan sekolah pondok dan madrasah di kawasan utara negeri Perak sebagai institusi pendidikan tradisional orang Melayu menjadi faktor yang mempengaruhi kesedaran kebangsaan. Secara umumnya, terdapat dua kawasan di negeri Perak yang mengalami pertumbuhan pesat sekolah pondok dan madrasah iaitu di bahagian Kuala Kangsar dan di bahagian Utara negeri Perak. Seawal 1910-an, kawasan utara negeri Perak mengalami pertumbuhan sekolah pondok seperti Pondok Al-Rahmaniah dan Maahad al-Ihya'al-Sharif di (Gunung Semanggol), Pondok Haji Abdullah bin Haji Thanawi di kampung Berchat (Bukit Gantang), Pondok Tuan Haji Abbad di Masjid Tinggi (Bagan Serai) dan Pondok Shams Al-Anwar di Tanjung Piandang.¹⁵ Pertumbuhan sekolah pondok dan madrasah di bahagian Utara negeri Perak telah mempengaruhi perkembangan pengajaran Islam dan kesedaran politik. Seterusnya, Maahad al-Ihya'al-Sharif, Gunung Semanggol yang didirikan secara rasmi pada tahun 1934 telah mencatatkan perkembangan penting melahirkan kesedaran gerakan kebangsaan sehingga membawa kepada penubuhan sebuah parti politik iaitu Hizbul Muslimin pada tahun 1948.¹⁶

Bahagian utara negeri Perak turut memiliki tumpuan pengundi Melayu yang tinggi iaitu sebanyak 12 kerusi daripada 14 kerusi DUN secara keseluruhan. Jumlah kerusi DUN di kawasan utara ini terdiri daripada 5 kerusi Parlimen iaitu Larut, Parit Buntar, Bagan Serai, Bukit Gantang dan Taiping. Hanya 2 DUN tidak memiliki jumlah pengundi Melayu yang tinggi iaitu DUN Pokok Assam dan Aulong. Dua kerusi DUN datang dari Parlimen Taiping. Data PRU-14 mencatatkan jumlah pengundi Melayu hanya mewakili sebanyak 21.05 peratus di DUN Pokok Assam dan DUN Aulong pula hanya mencatatkan jumlah 26.98 peratus. Maka, 12 kerusi DUN di bahagian utara negeri Perak diletakkan sebagai fokus dalam kajian ini berdasarkan jumlah tumpuan pengundi Melayu.

Jadual 1.2, Kerusi DUN di Bahagian Utara Negeri Perak dan Peratusan Pengundi Melayu pada PRU-14

DUN	(%)	60% >		80% >	
		DUN	(%)	DUN	(%)
N9 Kuala Kurau	63.38%	N5 Selama	86.06%		
N8 Titi Serong	74.96%	N6 Kubu Gajah	94.37%		
N10 Alor Pongsu	74.35%	N7 Batu Kurau	88.6%		
N12 Selinsing	73.91%	N11 Gunong Semanggol	84.96%		
N13 Kuala Sepetang	66.26%				
N14 Changkat Jering	76.97%				
N15 Trong	76.5%				
N16 Kamunting	67.97%				

Sumber: The Star 2018

Berdasarkan jumlah ini, terdapat 4 kerusi DUN memiliki jumlah majoriti pengundi Melayu yang tinggi iaitu melebihi 80 peratus. Manakala selebihnya iaitu 8 DUN lagi memiliki jumlah melebihi 60 peratus pengundi Melayu seperti mana dijelaskan pada jadual di bawah.¹⁷ Semua kerusi DUN majoriti pengundi Melayu di bahagian utara negeri Perak ini merangkumi daerah Kerian dan Larut, Matang & Selama iaitu bersempadan dengan negeri Pulau Pinang dan Kedah.

KEDUDUKAN DAN PERSAINGAN PARTI POLITIK MELAYU DI PERAK

Penguasaan UMNO di sepanjang Aliran Sungai Perak (sebelum PRU-15)

UMNO sebagai komponen parti Barisan Nasional memiliki penguasaan kerusi DUN di kawasan sepanjang aliran Sungai Perak merangkumi hilir ke hulu. Penguasaan tersebut telah dibentuk sejak Pilihan Raya Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1955 dan bertahan sekurangnya pada PRU-14.¹⁸ Sebelum mengalami kejatuhan pada PRU-15, UMNO memiliki

dominasi sebagaimana ditunjukkan pada jadual 1.3 dengan membandingkan kemenangan parti tersebut melibatkan PRU-11 hingga PRU-14. Melibatkan empat siri pilihan raya ini, UMNO mencapai prestasi terbaik pada PRU-11 dengan berjaya memenangi 15 kerusi iaitu kesemua kerusi DUN tumpuan pengundi Melayu yang berada di sepanjang aliran Sungai Perak.

UMNO pada PRU-11 berjaya menafikan kemenangan daripada PAS dan PKR dalam persaingan memenangi sokongan pengundi Melayu. Malah, dua parti pembangkang ini turut tidak berjaya memenangi sebarang kerusi DUN negeri Perak pada PRU yang diadakan pada tahun 2004 ini. UMNO sememangnya memiliki dominasi di Perak sejak Pilihan Raya Persekutuan pertama selepas merdeka terutamanya bagi kerusi di sepanjang aliran Sungai Perak sebagai petempatan masyarakat Melayu tradisional yang memiliki hubungan rapat dengan sejarah kesultanan negeri Perak.¹⁹ Latar belakang tersebut disifatkan mempunyai hubungan yang mempengaruhi idea konservatisme masyarakat Melayu dalam politik. Raja Melayu dianggap memiliki daulat yang berada dipuncak kuasa kerajaan dengan berfungsi sebagai pemimpin dan melindungi rakyat. Pemikiran politik Melayu itu menjadikan kedudukan raja begitu penting sebagai tempat untuk rakyat bernaung. Kedudukan dan fungsi raja membentuk ketaatan secara tradisi dalam politik Melayu ini terus dipertahankan sehingga kini.²⁰

Faktor sejarah penubuhan UMNO dalam menggerakkan penentangan terhadap Malayan Union telah meletakkan kedudukan parti ini begitu istimewa dalam kalangan orang Melayu. Parti ini disifatkan berjaya melindungi kedudukan Raja dan kepentingan orang Melayu melalui perangkaan Perlembagaan Persekutuan pada tahun 1948.²¹ Peranan parti itu menginstitusikan perkara tersebut ke dalam perlembagaan telah membentuk idea konservatisme dalam masyarakat Melayu yang tumbuh daripada nilai feudalisme. Idea konservatisme politik Melayu yang mendominasi politik Malaysia disifatkan sebagai tradisi dari susunan feudal kesultanan Melayu Melaka. Nilai tradisi yang telah meresap ke dalam politik Malaysia ialah nilai-nilai ketaatan, perpaduan, mempertahankan kedudukan institusi beraja, status agama Islam, bahasa Melayu dan kedudukan hak istimewa orang Melayu. Nilai-nilai ini merupakan idea konservatisme yang diwarisi.²² Lantas idea konservatisme ini memberikan kelebihan kepada UMNO dalam mengikat idea pandangan politik orang Melayu. Lebih pula, UMNO bertindak menghidupkan nilai feudal ke dalam bentuk baru atau disebut sebagai neofeudal melalui amalan politik penaung-dinaung dan politik pembangunan. Budaya politik ini membentuk pemikiran masyarakat Melayu dengan memberikan kesetiaan kepada parti yang berfungsi sebagai pelindung dan telah memberikan jasa.²³ Faktor tersebut memberi kekuatan kepada UMNO dalam mencengkam dominasi di kawasan majoriti pengundi Melayu di kawasan luar bandar. Terutama sekali dalam konteks kajian ini iaitu di sepanjang aliran Sungai Perak yang memiliki hubungan rapat dengan sejarah kesultanan kerajaan negeri Perak. Melibatkan 4 siri pilihan raya iaitu bermula PRU-11 hingga PRU-14. UMNO berjaya memenangi semua 15 kerusi tumpuan pengundi Melayu yang berada di sepanjang aliran Sungai Perak iaitu melibatkan PRU-11, PRU-13 dan PRU-14.²⁴ Sebaliknya, UMNO hanya gagal mengusai kesemua kerusi DUN di kawasan tumpuan ini pada PRU-12 setelah PAS berjaya memenangi 2 kerusi DUN iaitu Lubok Merbau dan Changkat Jong.²⁵

Jadual 1.3, Kemenangan dan Bilangan Undi Calon UMNO bagi kerusi DUN di kawasan Sepanjang Aliran Sungai Perak, PRU-11 hingga PRU-14

DUN	PRU-11 (majoriti)	PRU-12 (majoriti)	PRU-13 (majoriti)	PRU-14 (majoriti)
N1 Pengkalan Hulu	6,402 (4,493)	6,769 (4,645)	7,206 (3,361)	5,716 (2,375)
N2 Temengor	6,844 (4,666)	7,578 (4,617)	9,331 (3,215)	7,823 (3,935)
N3 Kenering	5,823 (2,855)	6,134 (2,798)	8,216 (3,335)	7,379 (3,268)
N4 Kota Tampan	5,071 (2,677)	4,963 (2,335)	5,893 (1,844)	5,183 (2,302)
N19 Chenderoh	5,761 (2,826)	4,858 (1,039)	6,457 (1,567)	5,546 (2,370)
N20 Lubok Merbau	3,278 (1,522)	Kalah (PAS)	6,261 (53)	4,908 (409)

N21 Lintang	9,278 (5,389)	4,592 (72) ²⁶	11,444 (3,977)	10,605 (4,582)
N34 Bukit Chandan	6,826 (3,613)	5,850 (1,694)	7,050 (959)	5,929 (464)
N35 Manong	4,693 (2,353)	5,391 (749)	7,405 (231)	6,267 (571)
N39 Belanja	6,916 (3,143)	6,596 (2,310)	7,691 (2,963)	5,879 (2,729)
N40 Bota *	6,031 (1,729)	6,556 (2,068)	9,504 (3,448)	7,411 (1,822)
N49 Sungai Manik	9,121 (3,599)	8,255 (1,374)	11,047 (1,854)	9,265 (1,939)
N50 Kampong Gajah	10,352 (5,017)	8,818 (1,416)	14,140 (6,100)	11,026 (3,345)
N53 Rungkup	5,789 (2,330)	4,984 (454)	6,415 (613)	6,529 (3,069)
N56 Changkat Jong	9,496 (3,611)	Kalah (PAS)	12,065 (1,118)	11,216 (67)
		7,806 (899) ²⁷		
Jumlah kerusi BN	15/15	13/15	15/15	15/15

Sumber: Diubahsuai daripada Data Terbuka Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia

Selepas PRU-12, status quo UMNO di kawasan sepanjang aliran Sungai Perak ini terus dapat dipertahankan pada PRU-13 dan PRU-14. Meskipun begitu, undi yang diterima UMNO mencatatkan penurunan pada PRU-14. Secara realitinya, UMNO yang dianggap “parti keramat” orang Melayu berhadapan dengan defisit kepercayaan dan sokongan orang Melayu.²⁸ Merujuk kepada jadual di atas, dapat dilihat bahawa rata-rata calon UMNO mengalami kemerosotan sokongan dengan penurunan majoriti yang semakin mengecil. Kemerosotan undi ini sebenarnya berlaku sepanjang PRU-11 sehingga PRU-14. Dalam konteks PRU-14, kejayaan sebahagian besar calon UMNO memenangi kerusi DUN melibatkan kawasan ini adalah kerana faktor pecahan undi berikutnya persaingan tiga penjuru antara UMNO, PAS dan PH (PKR, PPBM dan Amanah).²⁹ Situasi demikian berbeza pada PRU-12 dan PRU-13, setelah PAS yang sebelum ini berada dalam gabungan Pakatan Rakyat telah memutuskan hubungan kerjasama. Persaingan 3 penjuru yang membawa pecahan undi ini telah memberi kelebihan kepada UMNO. Kemenangan parti ini disifatkan begitu bergantung kepada pecahan undi. Meskipun jika tiada pecahan undi iaitu situasi hanya melibatkan pertembungan dua penjuru juga tidak menjamin kemenangan kepada parti lawan UMNO. Tetapi kebergantungan pecahan undi pada PRU-14 yang sebahagian besarnya membentarkan kemenangan calon UMNO di kawasan sepanjang Sungai Perak ini menjelaskan hakikat defisit kepercayaan orang Melayu terhadap UMNO.

Secara realiti melibatkan 15 kerusi DUN di kawasan sepanjang aliran Sungai Perak. Hanya 3 kerusi sahaja iaitu DUN Kota Tampan, Lintang dan Rungkup yang mampu dimenangi UMNO dengan memiliki undi tertinggi berbanding keseluruhan bilangan pecahan undi lain. Manakala kemenangan calon UMNO di kerusi lain sepanjang Sungai Perak adalah berdasarkan faktor pecahan undi. Situasi ini sebenarnya juga berlaku di negeri-negeri lain semasa PRU-14 yang mencatatkan *swing* atau peralihan undi Melayu daripada UMNO berikutan sentimen nasional pada pilihan raya ini.³⁰ PRU-14 merupakan pilihan raya yang mencabar bagi UMNO-BN setelah menghadapi tekanan daripada Pakatan Harapan yang menjadikan skandal 1MDB dan peningkatan kos sara hidup sebagai kumpulan utama. Pakatan Harapan telah membina naratif masalah pentadbiran dalam pemerintahan Barisan Nasional yang dipenuhi isu penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan.³¹ Naratif ini dibina bersama pendedahan kesalahan tadbir urus negara melibatkan Skandal 1MDB, Felda, Tabung Haji, amalan rasuah dan kronisme yang berleluasan dalam pentadbiran.³² Seterusnya naratif tersebut membantu dalam membina sentimen kebencian kepimpinan Najib Razak dan Barisan Nasional iaitu dianggap tidak mengambil peduli realiti kesusahan rakyat berikutan pelaksanaan GST dan kenaikan kos sara hidup.³³ Malah kehidupan berlebihan pemimpin-pemimpin Barisan Nasional dan kemewahan gaya hidup Rosmah Mansor iaitu isteri kepada Perdana Menteri telah memperkuatkan lagi keyakinan rakyat terhadap sentimen yang dibina Pakatan Harapan.³⁴

Sentimen untuk menjatuhkan Barisan Nasional dan kebencian terhadap Najib Razak telah mempengaruhi defisit sokongan terhadap UMNO. Sentimen tersebut mempengaruhi

kebangkitan Pakatan Harapan dalam melenyapkan dominasi UMNO-BN di peringkat pusat dan sebahagian besar negeri-negeri di bahagian Pantai Barat. Peralihan sokongan yang diterima UMNO ini telah memberi kesan keruntuhan kekuasaan BN diperangkat negeri sehingga Negeri Sembilan, Melaka dan Johor yang dianggap kubu kuat kepada UMNO telah jatuh kepada PH.³⁵ Begitu juga dialami UMNO di Perak lebih lagi dalam konteks kawasan sepanjang Sungai Perak. UMNO berhadapan dengan kemerosotan sokongan orang Melayu meskipun berjaya menguasai semua kerusi DUN di sepanjang Sungai Perak. Pada PRU-14, PAS dan gabungan parti PH melibatkan PKR, Amanah dan PPBM merupakan parti yang menawarkan pilihan kepada orang Melayu sebagai alternatif selain UMNO.

Kedinamikan Persaingan Parti Politik Melayu di Utara Negeri Perak (Sebelum PRU-15)

Kedudukan politik Melayu bagi kerusi Dewan Undangan Negeri di kawasan utara negeri Perak memiliki kedinamikan melibatkan tempoh sebelum PRU-15. Kedinamikan tersebut berdasarkan kepada keadaan persaingan dan penguasaan parti Melayu di Utara negeri Perak yang seimbang. Keseimbangan ini merujuk kepada kedudukan parti yang berjaya memenangi kerusi DUN dalam tiga siri pilihan raya iaitu PRU-12 sehingga PRU-14 sebagai tumpuan. Berbanding situasi politik di kawasan sepanjang aliran Sungai Perak yang memperlihatkan wujudnya penguasaan sesuatu parti iaitu UMNO. Kedudukan parti Melayu di bahagian utara negeri Perak bersifat lebih dinamik dengan tiadanya penguasaan sesuatu parti politik.

Persaingan parti Melayu dalam meraih sokongan di kawasan utara negeri Perak adalah bersifat seimbang. Melibatkan PRU-12 sehingga PRU-14, kemenangan kerusi DUN dilihat seimbang antara UMNO dan gabungan parti pembangkang pada masa itu. UMNO tidak dapat membentuk dominasi di kawasan ini dengan hanya berjaya memenangi sebanyak 6 kerusi daripada 12 kerusi DUN dalam tempoh 3 siri pilihan raya. Bermula dengan PRU-12, PAS dan PKR daripada gabungan parti Pakatan Rakyat iaitu gabungan parti pembangkang pada masa itu berjaya mengimbangi persaingan daripada UMNO dengan turut berjaya memenangi sebanyak 6 kerusi DUN.³⁶ Seterusnya, persaingan antara parti Melayu ini kekal seimbang pada PRU-13 yang mencatatkan jumlah kemenangan kerusi sama iaitu masing-masing gabungan parti berjaya memenangi 6 kerusi DUN.³⁷

Jadual 1.4. Bilangan Undi Parti yang Memenangi Kerusi DUN di kawasan Bahagian Utara Negeri Perak, PRU-12 hingga PRU-14

DUN	PRU-12	PRU-13	PRU-14
N5 Selama	BN 5,240 (Majoriti: 355)	BN 6,854 (Majoriti: 619)	PAS 5,516 (Majoriti: 289)
N6 Kubu Gajah	BN 4,114 (Majoriti: 66)	BN 5,807 (Majoriti: 1,085)	PAS 5,786 (Majoriti: 180)
N7 Batu Kurau	BN 7,023 (Majoriti: 2,439)	BN 9,789 (Majoriti: 3,834)	BN 6,168 (Majoriti: 2,308)
N8 Titi Serong	PR/ PAS 10,012 (Majoriti: 1,149)	PR/PAS 12,839 (Majoriti: 1,794)	PH/AMANAH 7,600 (Majoriti: 140)
N9 Kuala Kurau	PKR 8,224 (Majoriti: 467)	PR/PKR 12,336 (Majoriti: 5,014)	PH/PKR 8,655 (Majoriti: 2,643)
N10 Alor Pongsu	BN 5,585 (Majoriti: 95)	BN 8,286 (Majoriti: 2,196)	BN 6,556 (Majoriti: 1,162)
N11 Gunong Semanggol	PR/ PAS 6,959 (Majoriti: 2,070)	PR/PAS 8,354 (Majoriti: 1,405)	PAS 7,444 (Majoriti: 1,903)
N12 Selinsing	PR/PAS 6,149 (Majoriti: 547)	PR/PAS 8,215 (Majoriti: 809)	BN 5,167 (Majoriti: 97)
N13 Kuala Sepetang ³⁸	PR/PKR 7,285 (Majoriti: 564)	PR/PKR 10,775 (Majoriti: 758)	BN 8,993 (Majoriti: 329)
N14 Changkat Jering	PR/PKR 9,411 (Majoriti: 1,102)	PR/PAS 14,495 (Majoriti: 1,170)	BN 8,818 (Majoriti: 1,922)

N15 Trong	BN 4,212 (Majoriti: 916)	BN 6,353 (Majoriti: 1,804)	BN 5,139 (Majoriti: 1,898)
N16 Kamunting	BN 7,975 (Majoriti: 555)	BN 11,784 (Majoriti: 887)	PH/AMANAH 9,898 (Majoriti: 1,780)

Sumber: Diubahsuai daripada Data Terbuka Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia

Keseimbangan persaingan politik Melayu di kawasan utara negeri Perak juga berlaku pada PRU-14. Walau bagaimanapun, pilihan raya yang diadakan pada tahun 2018 ini mencatatkan situasi berbeza melibatkan pertembungan parti politik Melayu. Pakatan Rakyat (PR) mengalami perpecahan berikut pendirian PAS yang mengambil keputusan keluar daripada gabungan itu.³⁹ Perpecahan tersebut menjadikan persaingan politik Melayu terpecah kepada 3 penjuru iaitu melibatkan UMNO-BN, PAS dan Pakatan Harapan. Pakatan Harapan merupakan kesinambungan daripada Pakatan Rakyat yang dibentuk bagi menghadapi PRU-14 menerima penyertaan daripada 2 parti baru iaitu Amanah dan PPBM.⁴⁰ Hasil keputusan PRU-14 tetap mencatatkan kedinamikan persaingan politik Melayu di kawasan utara negeri Perak. Daripada 12 kerusi DUN, terdapat 7 kerusi mencatatkan peralihan undi dan kemenangan kepada parti berbeza berbanding pilihan raya sebelumnya. Sebaliknya 5 kerusi lagi tidak mengalami perubahan peralihan kemenangan iaitu DUN Batu Kurau, Kuala Kurau, Gunong Semanggol dan Trong.

Amanah sebagai parti baru yang lahir daripada pecahan daripada PAS pada PRU-14 ini dapat memberikan tambah nilai kepada PH dengan mencatatkan kemenangan ke atas 2 kerusi DUN. Parti itu berjaya memenangi DUN Titi Serong yang sebelum ini dimenangi PAS pada PRU-12 dan PRU-13. Situasi sama juga melibatkan kemenangan Amanah bagi DUN Kamunting yang sebelum ini disandang calon UMNO dalam 2 siri pilihan raya. Manakala, PAS pada PRU-14 hanya berjaya memenangi 3 kerusi DUN di kawasan utara negeri Perak iaitu mengekalkan kemenangan di DUN Gunong Semanggol serta berjaya merampas kerusi yang sebelum ini dimenangi calon UMNO iaitu DUN Selama dan Kubu Gajah. PAS pada pilihan raya ini tidak berada pada prestasi baik setelah mengalami kegagalan mempertahankan kerusi yang pernah disandang sebelum ini iaitu kerusi DUN Titi Serong, Selinsing dan Changkat Jering. Sementara itu, UMNO merupakan parti paling berjaya pada PRU-14 melibatkan persaingan kawasan tumpuan orang Melayu di kawasan utara negeri Perak. UMNO mencatatkan kemenangan kerusi terbanyak di kawasan ini berbanding PAS dan PH. Walau bagaimanapun, prestasi UMNO pada PRU-14 di kawasan utara negeri Perak ini juga sebenarnya tidak mencatatkan peningkatan prestasi berbanding pilihan raya sebelumnya. Parti itu hanya kekal memenangi 6 kerusi iaitu merupakan jumlah yang sama melibatkan PRU-12 hingga PRU-14. Pada pilihan raya ini, UMNO berjaya merampas kerusi DUN Selinsing, Kuala Sepetang dan Changkat Jering yang mana sebelum ini disandang calon gabungan parti PR. Persaingan 3 penjuru tidak dapat dimanfaatkan UMNO bagi sekurangnya menambah bilangan kerusi DUN di kawasan utara negeri Perak. Malah parti ini gagal mempertahankan sokongan pengundi di DUN Selama, Kubu Gajah dan Kamunting yang berjaya dimenangi calon daripada parti lain.⁴¹ Justeru itu, peralihan undi dan jumlah peralihan kemenangan kerusi DUN menjelaskan terdapatnya kedinamikan persaingan politik Melayu di kawasan utara negeri Perak pada PRU-14.

Selain keseimbangan persaingan melibatkan kedudukan parti politik Melayu di bahagian utara negeri Perak ini. Politik Melayu di kawasan tumpuan orang Melayu ini juga sering mencatatkan keadaan sokongan dan perubahan undi yang dinamik dalam pilihan raya. Sebahagian besar kemenangan parti yang bertanding adalah tidak tetap kepada sesuatu parti. Melibatkan PRU-12 hingga PRU-14, penguasaan sesuatu parti pada kerusi DUN sebahagian besarnya hanya kekal selama tempoh 2 siri pilihan raya. Hanya 5 daripada 12 kerusi DUN yang kekal dimenangi selama tempoh 3 siri pilihan raya daripada satu parti iaitu DUN Batu Kurau, Alor Pongsu, Gunong Semanggol, Trong dan Kuala Kurau. Calon daripada UMNO berjaya

mengekalkan kemenangan DUN Batu Kurau, Alor Pongsu dan Trong. PAS pula mengekalkan penguasaan di DUN Gunong Semanggol. Sementara itu, calon daripada PKR pula berjaya memenangi DUN Kuala Kurau sepanjang 3 siri pilihan raya. Keadaan politik sebegini berbeza dengan persaingan politik Melayu di kawasan sepanjang aliran Sungai Perak. Perubahan undi dan peralihan kemenangan bagi kawasan tumpuan orang Melayu di sepanjang aliran Sungai tidak begitu dinamik. UMNO mampu membentuk penguasaan kerusi DUN di sepanjang aliran Sungai Perak. Akan tetapi, penguasaan tersebut tidak berlaku di bahagian utara negeri Perak yang sering menyaksikan peralihan kemenangan tidak tetap kepada sesuatu parti.

PAS merupakan parti yang juga memiliki tempat dan sokongan besar pengundi Melayu di kawasan utara negeri Perak. Sokongan tersebut menjadikan parti itu berjaya mengimbangi persaingan daripada UMNO. Dua parti ini sememangnya memiliki sejarah pertembungan panjang iaitu bermula dengan kekecewaan kumpulan pemimpin Biro Agama dalam UMNO terhadap dasar pentadbiran kerajaan yang tidak mengutamakan ajaran Islam dan soal kepentingan orang Melayu.⁴² Perjuangan politik Islam memberi kelebihan kepada PAS dalam menerima sokongan orang Melayu. Sejak awal penubuhan, tema politik Islam telah diangkat dengan menyebarkan idea perjuangan parti kepada guru-guru agama, imam dan pemimpin agama yang memiliki pengaruh dan dihormati kalangan masyarakat Melayu.⁴³ Faktor penubuhan PAS dan perjuangan dasar Islam yang konsisten menjadikan parti ini memiliki sokongan besar di negeri-negeri majoriti Melayu seperti di Kelantan Terengganu, Perlis dan Kedah.⁴⁴ Begitu juga pengaruh PAS di kawasan bahagian utara negeri Perak yang memiliki bilangan besar orang Melayu serta memiliki latar belakang pertumbuhan sekolah pondok dan madrasah. Pengaruh sokongan tersebut telah membentuk persefahaman antara PAS dan PKR dalam Pakatan Rakyat terhadap soal pengagihan kerusi dalam pilihan raya. Pada PRU-12 dan PRU-13, dapat diperhatikan bahawa PAS menerima pengagihan kerusi lebih besar berbanding PKR dalam pengagihan kerusi DUN di bahagian utara negeri Perak. Lebih pula, penubuhan PKR pada tahun 1999 sebagai sebuah parti bersifat baru berbanding PAS.⁴⁵ PKR masih belum memiliki sokongan besar orang Melayu di luar bandar berbanding PAS. Sebanyak 7 kerusi telah diberikan kepada PAS berbanding PKR yang hanya ditawarkan sebanyak 5 kerusi pada PRU-12. Sementara itu, pengagihan kerusi kepada PAS bertambah pada PRU-13 iaitu menerima 8 kerusi berbanding PKR yang menerima 4 kerusi. Persefahaman pengagihan kerusi yang memberikan bilangan besar kerusi kepada PAS adalah berdasarkan pengaruh dan sokongan orang Melayu yang dimiliki parti itu di kawasan bahagian utara negeri Perak.

KEBANGKITAN PERIKATAN NASIONAL DI KAWASAN TUMPUAN MAJORITI MELAYU

Sebelum Pilihan Raya Umum ke-15, UMNO memiliki penguasaan di kawasan tumpuan majoriti pengundi Melayu di Perak terutamanya di sepanjang aliran Sungai Perak. Pencapaian parti Melayu terbesar ini di Perak merupakan sesuatu yang menarik untuk dibincangkan. Hal demikian kerana dikala kedudukan UMNO di negeri lain seperti Kedah, Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Terengganu dan Sabah mula mengalami banyak kehilangan kerusi tradisi pada PRU-14. Seterusnya membawa kepada kejatuhan pemerintahan Barisan Nasional di negeri tersebut. UMNO di Perak sekurangnya masih memiliki penguasaan bagi kerusi-kerusi tradisi milik mereka pada PRU-14 biarpun juga kehilangan kuasa pentadbiran negeri. Parti komponen BN ini masih mampu bertahan meskipun terdapat tekanan kuat terutamanya daripada PH pada PRU-14.

Dalam konteks di negeri Perak, UMNO berjaya memenangi 27 kerusi DUN pada PRU-14 dan masih dapat memenangi banyak kerusi di kawasan tumpuan majoriti Melayu. UMNO negeri Perak meletakkan keyakinan untuk mampu meneruskan penguasaan kerusi DUN majoriti pengundi Melayu. Justeru itu, UMNO-BN mensasarkan penguasaan majoriti dua

pertiga iaitu memenangi sebanyak 40 kerusi pada PRU-15 bagi memastikan gabungan parti itu dapat membentuk kerajaan negeri secara tunggal dan stabil. Biarpun begitu, Saarani Mohamad selaku Pengurus BN Perak dan Pengurus Badan Perhubungan UMNO negeri juga menyebut sasaran mudah iaitu mampu memenangi sekurangnya 30 kerusi DUN pada pilihan raya ini. Keyakinan tersebut juga mengambil kira prestasi BN pada PRU-13 yang berjaya memenangi 30 kerusi melalui kemenangan calon UMNO dan satu lagi kerusi daripada MCA.⁴⁶ Walau bagaimanapun, sasaran BN pada PRU-15 yang berkeyakinan mampu memperluaskan penguasaan UMNO di kerusi majoriti pengundi Melayu adalah jauh tersasar. Sebaliknya, penguasaan UMNO akhirnya berjaya dipecahkan PAS dan PPBM melalui kerjasama dalam Perikatan Nasional (PN). PN berjaya memenangi sebanyak 26 kerusi DUN negeri Perak secara keseluruhan pada PRU-15 yang diadakan pada tahun 2022. Sebahagian besar kerusi dimenangi tersebut merupakan kerusi yang disandang calon UMNO pada pilihan raya sebelum ini.⁴⁷ Gelombang kemenangan PN di kawasan majoriti pengundi Melayu juga terjadi di negeri-negeri lain. Sehingga gelombang ini mampu menumbangkan ramai calon UMNO di Pahang dan meruntuhkan dominasi parti tersebut di Perlis.⁴⁸

Kejayaan PN mengangkat naratif politik Melayu-Islam dalam kempen PRU-15 merupakan faktor utama mempengaruhi gelombang kemenangan gabungan parti itu pada pilihan raya ini. Dominasi pemerintahan Melayu-Islam dalam kepimpinan PN sebagai Kerajaan Pusat ketika tempoh 33 bulan telah diangkat dalam kempen PRU-15.⁴⁹ Latar belakang idea politik orang Melayu secara umumnya mahukan penguasaan politik Melayu bagi menjamin kepentingan dan mengimbangi kedudukan orang Melayu dengan kaum lain.⁵⁰ Idea politik tersebut yang masih dipegang sehingga kini lantas membuatkan PN secara mudah dapat memancing emosi pengundi Melayu. Lebih lagi, terdapat sentimen yang merasakan kepentingan dan sensitiviti orang Melayu terancam semasa tempoh pemerintahan PH. Justeru itu, kepimpinan PN yang didominasi PAS dan PPBM memberikan keyakinan kepada pengundi Melayu dalam memberikan sokongan kepada gabungan parti itu bagi mempertahankan penguasaan politik Melayu-Islam. Pesuruhjaya PAS Perak, Razman Zakaria menyifatkan bahawa kedudukan orang Melayu sebagai kaum dominan di negara ini dan negeri Perak menjadi sebab mengapa pemerintahan dominasi Melayu-Islam harus diperkasakan. Beliau menyebut, "PAS Perak meyakini kekuatan penyatuan Melayu adalah solusi kestabilan politik dan agama disamping dokongan pelbagai kaum yang tidak ekstrem dalam membentuk pemerintahan negeri Perak".⁵¹

Dalam mengukuhkan naratif politik Melayu-Islam, sentimen agama dan kaum telah digunakan bertujuan mewujudkan rasa kebimbangan kepada pengundi Melayu bagi mendapatkan sokongan. Pengundi Melayu diberikan kesedaran dengan menjadikan tempoh pemerintahan PH sebagai pengajaran dan kesilapan yang tidak boleh diulangi. Isu-isu ketika tempoh pemerintahan PH pasca PRU-14 yang dapat membangkitkan sensitiviti orang Melayu telah dibangkitkan dalam kempen PRU-15. PN membangkitkan kembali isu seperti lantikan jawatan tertinggi kepada orang bukan Melayu, ratifikasi ICERD, perjanjian Statut Rom, pembebasan anggota Liberation Tigers of Tamil Elam (LTTE), isu kematian Muhammad Adib, pengiktirafan sijil peperiksaan UEC dan isu pembelajaran tulisan jawi yang mendapat respon kurang senang orang bukan Melayu.⁵² Gabungan parti itu menuduh bahawa penguasaan "Cina DAP" dalam pemerintahan PH yang bersifat liberal dan anti-Islam telah mengakibatkan ancaman terhadap kedudukan Islam dan kepentingan orang Melayu. Lebih lagi pengundi Melayu turut diberi amaran bahawa PH mahu membawa agenda liberal, komunis dan LGBT di negara ini. Razman Zakaria yang juga calon PN bagi DUN Gunong Semanggol merupakan antara pemimpin PAS yang melaungkan amaran mengenai agenda PH itu secara terbuka dalam kempennya.⁵³

Dakwaan yang menyebut mengenai agenda komunis daripada DAP ini turut disebut Presiden PAS, Tuan Guru Hj. Abdul Hadi Awang.⁵⁴ Naratif tersebut dibangunkan bertujuan

menonjolkan kedudukan PN sebagai gabungan parti yang mampu mengangkat kepentingan Melayu-Islam. Naratif yang menimbulkan kebimbangan membantu membina sentimen kepada PH yang mahu dilihat sebagai ancaman kepada kepentingan politik Melayu. Justeru itu, PN cenderung menggunakan pendekatan ekstremis dalam kempen PRU-15. Terdapat sentimen agama dan kaum yang digunakan secara ekstremis oleh pemimpin PN dan pempengaruh yang menyokong parti tersebut dengan bertindak seolah menimbulkan kebencian terhadap orang bukan Islam bagi mendapatkan sokongan orang Melayu. Dalam satu ceramah PAS, terdapat kenyataan yang menyeru agar pengundi menolak pemimpin kafir yang menolak pemerintahan Islam.⁵⁵ Sementara itu, kempen pilihan raya PN turut memastikan bahawa gabungan parti itu dilihat paling terkehadapan dalam memperjuangkan kepentingan Melayu-Islam berbanding parti lain terutamanya UMNO. Jika naratif mengenai bahaya DAP digunakan sebagai strategi mengalihkan sokongan pengundi Melayu yang cenderung kepada PH. Usaha mengalihkan sokongan pengundi Melayu yang cenderung kepada UMNO pula dilakukan dengan menimbulkan dakwaan mengenai terdapatnya rancangan dan kerjasama antara pemimpin UMNO bersama pemimpin Harapan untuk membentuk kerajaan Pusat selepas pilihan raya.⁵⁶ Meskipun, dakwaan tersebut menjadi kenyataan pada pasca PRU-15 menerusi penyertaan UMNO-BN dalam kerajaan perpaduan yang dipimpin Anwar Ibrahim sebagai Perdana Menteri. Tetapi dapat disifatkan bahawa dakwaan tersebut tidak memberi kesan yang besar kepada pengundi Melayu. Gelombang kemenangan PN dalam memenangi undi Melayu dilihat lebih kepada faktor gabungan parti itu yang berjaya mengangkat naratif politik Melayu-Islam dan kelemahan UMNO dalam PRU-15.

Seterusnya dalam memastikan sokongan Melayu dimenangi, terdapat langkah daripada pemimpin PN yang secara terbuka mengeluarkan kenyataan menjatuhkan hukum dan mengamalkan budaya takfiri melalui tindakan mengkafirkhan pihak lawan meskipun sesama pemimpin beragama Islam. Antaranya, perbuatan mengundi calon BN dan PH disebut sebagai langkah menempatkan diri ke neraka.⁵⁷ Manakala Razman Zakaria menyifatkan orang Melayu yang memilih mengundi PH merupakan tindakan menyerahkan negara kepada Anwar Ibrahim dan Lim Kit Siang yang bakal membawa agenda LGBT dan Komunis.⁵⁸ Sementara itu, Muhyiddin Yassin dalam usahanya mengalihkan undi Melayu kepada UMNO pada satu ceramah di Johor telah mengisyiharkan penolakan terhadap UMNO sebagai “jihad yang perlu kita teruskan untuk sedarkan orang Melayu dan menyokong UMNO”.⁵⁹ Strategi tersebut bukan kali pertama dilakukan Muhyiddin. Beliau pernah mengeluarkan kenyataan dalam satu Ceramah Mega PN Best di Parit Jawa, Johor pada 16 November 2022 telah menyeru orang Melayu untuk menolak PH. Menerusi ucapannya, PH didakwa bermatlamat membawa masuk agenda yahudi dan kristianisasi di Malaysia.⁶⁰ Kecenderungan pemimpin PN menggunakan naratif agama dan kaum jelas sekali merupakan strategi mewujudkan sentimen kebimbangan kepada pengundi Melayu untuk menolak PH. Seterusnya, sentimen agama yang dibangkitkan ini juga mampu mempengaruhi sokongan besar orang Melayu yang tertarik dengan perjuangan PN terutamanya PAS dalam mengangkat agenda Islam.⁶¹

UMNO sebagai sebuah parti Melayu juga menjadi kebiasaan menggunakan sentimen agama dan kaum. Walau bagaimanapun, UMNO pada PRU-15 dilihat agak terkebelakang dalam memanfaatkan sentimen tersebut berbanding PN terutamanya dalam mengangkat sentimen agama. Parti Melayu itu agak terkebelakang berbanding PN dalam menonjolkan imej agama bagi menarik sokongan pengundi Melayu yang bersifat islamik. Dalam hal ini, PAS dalam gabungan PN berjaya menonjolkan imej islamik kepimpinan parti serta memanfaatkan pengaruh pendakwah terkenal di media sosial untuk menarik sokongan. Watak pendakwah terkenal di media sosial seperti ustaz Azhar Idrus, Wadi Annuar, Syeikh Zainul Asri dan Abdullah Khairi yang secara terbuka menyeru sokongan kepada PN telah memberikan kelebihan kepada gabungan parti itu. Strategi menonjolkan sokongan golongan pendakwah memberikan pengaruh dan ikutan kepada orang Melayu yang merasakan sokongan kepada PN

sebagai pilihan tepat kerana mengangkat agenda Islam dan kepentingan Melayu. Seterusnya penglibatan golongan pempengaruh yang tidak memiliki latar belakang islamik dalam menyuarakan sokongan kepada PN di media sosial juga membantu memperluaskan tarikan kepada pengguna media sosial yang terdiri daripada pelbagai lapisan serta golongan pengundi atas pagar dan pengundi baru.⁶² Justeru itu, kejayaan PN dalam menonjolkan imej islamik dan strategi kempen melalui media sosial secara berkesan telah memberikan kelebihan kepada parti tersebut berbanding UMNO dalam menarik sokongan pengundi Melayu. PN dilihat lebih terkehadapan dalam segala aspek pada pilihan raya kali ini berbanding UMNO yang semakin kurang popular dikalangan orang Melayu. Kelebihan mengangkat naratif politik Melayu-Islam dan menonjolkan imej islamik telah memberi kelebihan kepada PN meningkatkan populariti dalam kalangan orang Melayu secara keseluruhan termasuk pengundi Melayu di negeri Perak.

Dalam membincangkan mengenai prestasi UMNO, parti ini sebenarnya menghadapi prestasi kemerosotan setelah mengalami kekalahan pada PRU-14 sehingga buat pertama kalinya gagal membentuk Kerajaan Persekutuan dan kehilangan kuasa dibeberapa negeri. Akan tetapi, populariti UMNO semakin pulih ketika tempoh pemerintahan PH yang menghadapi kesukaran menangani isu berkaitan sentimen orang Melayu. UMNO bersama PAS sebagai parti pembangkang pada ketika itu telah bersama membangkitkan sentimen politik Melayu-Islam dengan menimbulkan kegusaran orang Melayu terhadap pemerintahan PH. Identiti budaya dan nasionalisme Melayu dalam UMNO bersama PAS yang memiliki identiti keagamaan telah memperkuatkan naratif politik Melayu-Islam.⁶³ Seterusnya, naratif tersebut diperkuuhkan dengan pembentukan Muafakat Nasional yang mengangkat penyatuan politik Melayu. Kerjasama politik ini memberikan manfaat kepada dua pihak terutamanya UMNO yang kembali mengalami peningkatan populariti berdasarkan kemenangan dalam beberapa siri Pilihan Raya Kecil kerusi parlimen Cameron Highlands, DUN Semenyih, DUN Rantau dan parlimen Tanjung Piai (MCA-BN). Walau bagaimanapun, momentum populariti sokongan orang Melayu tertumpu kepada PAS setelah UMNO mengambil keputusan memutuskan kerjasama politik dalam Muafakat Nasional.

Keputusan tidak menjalinkan kerjasama bersama PAS dan PPBM pada Pilihan Raya Umum ke-15 dapat disifatkan tidak memberikan kelebihan kepada UMNO dalam meraih sokongan pengundi Melayu. Populariti UMNO dalam kalangan pengundi Melayu kembali menurun kerana terdapat pandangan bahawa parti itu menolak penyatuan politik Melayu yang selama ini diidam.⁶⁴ Lebih lagi, keputusan bertanding secara sendiri dan tindakan pembubaran parlimen lebih awal dilihat sebagai tindakan tamak kuasa dan mementingkan kedudukan parti. Pembubaran parlimen lebih awal lebih dilihat sebagai langkah UMNO untuk menyelamatkan kepimpinan parti yang menghadapi pertuduhan kes di mahkamah terutamanya Presiden parti iaitu Zahid Hamidi dan beberapa pemimpin kanan lain. Lebih lagi terdapatnya kumpulan penyokong presiden parti yang cenderung mendesak dan memberi tekanan kepada Ismail Sabri sebagai Perdana Menteri pada ketika itu untuk membubarkan parlimen lebih awal. Pendekatan UMNO yang menggunakan Ismail Sabri sebagai “*poster boy*” pula tidak berjaya memberikan keyakinan kepada pengundi Melayu. Meskipun beliau bukanlah seorang pemimpin yang memiliki reputasi negatif dan tiada pertuduhan kes di mahkamah. Ismail Sabri telah dibayangi oleh Zahid Hamidi yang berada dalam krisis populariti. Pada waktu itu, kes mahkamah Zahid Hamidi dan UMNO kerap dijadikan sebagai sebagai kempen politik oleh pihak lawan sama ada PN atau PH.⁶⁵ Faktor tersebut lebih menambahkan keyakinan untuk orang Melayu menjadikan PN sebagai alternatif parti yang memperjuangkan kepentingan politik Melayu berbanding UMNO.⁶⁶ Kempen serangan ke arah Presiden UMNO ini memberi kesan kepada pengundi Melayu terutamanya penyokong UMNO yang tidak berpuas hati dengan gaya kepimpinan Zahid Hamidi dan tidak yakin bahawa parti itu akan mengalami perubahan ke arah lebih baik.⁶⁷ Tambah pula, perpecahan kepimpinan telah memberi kesan kepada parti ini dalam menghadapi pilihan raya. UMNO tidak dapat menyembunyikan perpecahan dan perbalahan

dalam kerana dilihat terdapat kelompok pemimpin yang memihak kepada presiden dan kelompok pemimpin yang menduduki jawatan kabinet. Perbalahan tidak hanya berlaku melibatkan kelompok pemimpin ini yang masih berada dalam UMNO. Turut terdapat pemimpin parti yang mengambil keputusan bersama pihak lawan iaitu PN untuk bertanding dan menentang calon daripada UMNO. Situasi tersebut mendedahkan kelemahan parti dalam menghadapi PRU-15 sehingga UMNO berada terkebelakang berbanding PN dan PH dalam kempen pilihan raya. Parti ini gagal membentuk kekuatan parti dan menepis serangan naratif pihak lawan dalam menghadapi pilihan raya.⁶⁸

Perpecahan kepimpinan UMNO peringkat nasional juga memberi kesan kepada percaturan parti itu di negeri Perak. Pengurus Badan Perhubungan UMNO Perak, Saarani Mohamad menjelaskan bahawa kekalahan teruk UMNO di Perak antaranya adalah berpunca daripada kegagalan dalam persaingan kempen di media sosial terutamanya dalam menepis sentimen kebencian yang ditimbulkan pihak lawan. Seterusnya, UMNO disifatkan gagal memahami aliran pemikiran anak-anak muda sehingga membuatkan parti itu tidak begitu popular dikalangan orang muda. Namun begitu, beliau menyifatkan faktor utama prestasi buruk UMNO di Perak adalah kerana berlakunya perpecahan dan masalah dalaman peringkat akar umbi iaitu bahagian-bahagian UMNO negeri. Faktor perpecahan menyebabkan UMNO bukan sahaja tidak berjaya mencapai sasaran iaitu memenangi sekurangnya 30 kerusi DUN. Malah parti ini mengalami kekalahan teruk dengan mengalami banyak kekalahan di kerusi tradisi. Perpecahan dalaman UMNO Perak dikenalpasti berkait rapat dengan kemelut perpecahan pemimpin tertinggi pusat. Terdapat dua faktor perpecahan dalaman UMNO yang seterusnya mempengaruhi kemerosotan prestasi parti tersebut di Perak. Pertama, pengguguran calon penyandang yang tidak sehaluan dengan kepimpinan presiden parti. Situasi itu terjadi melibatkan pengguguran calon penyandang ahli parliment Pasir Salak iaitu Tajuddin Rahman. Beliau pada sebelum ini dikatakan sering melakukan tindakan bercanggah dengan kepimpinan tertinggi parti.⁶⁹ Pengguguran Tajuddin Rahman yang masih memiliki pengaruh telah mengundang rasa kurang ahak akar umbi bahagian UMNO Pasir Salak.⁷⁰

Situasi kurang senang berikutan pengguguran pemimpin tertinggi yang tidak sehaluan dengan presiden juga terjadi di negeri lain. Shahidan Kassim, Noh Omar dan Annuar Musa merupakan antara pemimpin tertinggi UMNO yang digugurkan daripada bertanding pada PRU-15 berikutan sikap tidak sehaluan dengan presiden parti.⁷¹ Zahid Hamidi sendiri mengakui keputusan untuk tidak meletakkan calon “bermasalah” atau tidak sehaluan dengan kepimpinan adalah bagi memastikan kestabilan dan keharmonian parti.⁷² Pemilihan calon yang sehaluan dengan presiden juga membawa kepada faktor seterusnya yang mempengaruhi perpecahan ahli akar umbi bahagian di Perak. Faktor kedua ialah kehadiran calon luar atau “calon payung terjun” yang disebut dipilih daripada kalangan pemimpin sehaluan dengan presiden. Keputusan meletakkan calon luar sehingga mengetepikan pemilihan calon tempatan mencetuskan reaksi kurang senang ahli akar umbi seperti mana berlaku pada bahagian UMNO Gerik yang menolak pencalonan Asyraf Wajdi untuk bertanding di kerusi parliment Gerik pada peringkat awal.⁷³ Dua faktor ini telah menimbulkan rasa tidak berpuas hati, suasana tidak harmoni dan menjaskan moral kalangan ahli akar umbi. Situasi ini merugikan parti kerana gerak kerja kempen peringkat bahagian tidak dapat berjalan secara baik. Tambah pula, berlaku tindakan sabotaj terhadap calon parti sendiri dan terdapat ahli yang secara terbuka menyokong serta berkempen untuk calon parti lawan. Berdasarkan situasi ini, kepimpinan UMNO negeri telah mengenal pasti lebih daripada 50 ahli terdiri daripada pelbagai bahagian didapati melakukan sabotaj terhadap parti pada PRU-15. Saarani Mohamad mengakui bahawa masalah dalaman beberapa bahagian UMNO di Perak telah menyebabkan parti ini gagal bersaing dengan PN yang lebih terkehadapan dalam kempen pilihan raya dan berjaya menuarai naratif politik Melayu-Islam.⁷⁴ Seterusnya, perpecahan kepimpinan UMNO turut mempengaruhi gerak kerja kempen diperingkat akar umbi. UMNO agak terkebelakang dan lambat

mengerakkan kempen pilihan raya. Hal demikian tidak hanya dipengaruhi disebabkan perpecahan dalam yang mengganggu motivasi ahli. Tetapi, UMNO mengalami kekurangan sumber di lapangan dengan menggunakan bahan kempen yang lama dan terbatas serta penggunaan strategi dan mesej-mesej yang tidak bermaya. Sementara itu, PN lebih kehadapan dalam menggerakkan strategi kempen meliputi di media sosial dan lapangan dengan dibantu sumber dana yang besar.⁷⁵

Secara keseluruhannya dapat dirumuskan bahawa PN berjaya mengangkat naratif politik Melayu-Islam dengan memanfaatkan sentimen agama dan kaum yang terdapat dalam pemikiran pengundi Melayu. Kejayaan PN menonjolkan imej islamik dan melakukan kempen secara berkesan di media sosial dalam usaha menarik golongan pengundi muda menyebabkan parti tersebut tampil lebih terkehadapan berbanding UMNO. Krisis reputasi UMNO yang dibayangi sebagai sebuah parti yang “korup” pula menyebabkan parti itu gagal bersaing dalam meraih sokongan undi Melayu. Lantas meningkatkan populariti PN sehingga mampu memenangi banyak kerusi diperingkat parlimen dan membentuk kerajaan negeri di Kelantan, Terengganu, Perlis dan Kedah. Begitu juga di Perak di mana PN tampil lebih popular sebagai parti Melayu berbanding UMNO yang mengalami masalah dalam berikutnya perpecahan kepimpinan tertinggi parti di peringkat Pusat. Keadaan demikian meletakkan kedudukan UMNO negeri Perak berapa pada kedudukan lebih lemah sehingga parti tersebut mengalami banyak kekalahan. Kerusi-kerusi tradisi yang sebelum ini dikuasai UMNO kini berjaya dirampas calon PN pada PRU-15.⁷⁶ Meskipun tidak berjaya membentuk kerajaan negeri, PN berjaya mencipta gelombang kemenangan di Perak dengan membentuk dominasi penuh kerusi DUN di kawasan utara negeri dan meruntuhkan penguasaan UMNO di kawasan sepanjang aliran Sungai Perak.

Keruntuhan Dominasi UMNO di sepanjang Aliran Sungai Perak

UMNO memiliki penguasaan bagi kerusi DUN di sepanjang aliran Sungai Perak sejak sekian lamanya. Kejayaan UMNO memenangi semua kerusi iaitu 15 kerusi DUN pada 2 pilihan raya terakhir memberi gambaran jelas mengenai kekuatan parti itu yang sukar dicabar mana-mana parti. Walau bagaimanapun, hasrat UMNO untuk mengekalkan penguasaan besar kemenangan kerusi DUN di sepanjang aliran Sungai Perak dan seterusnya memastikan BN dapat membentuk kerajaan negeri yang kukuh tidak berjaya tercapai pada Pilihan Raya Umum ke-15. Daripada 15 kerusi DUN, parti komponen BN ini kehilangan lebih daripada separuh kerusi DUN yang pernah disandang di kawasan ini. UMNO menghadapi kemerosotan prestasi dengan hanya berjaya memenangi 5 kerusi sahaja. Manakala 10 kerusi DUN lagi yang pernah dimenangi sebelum ini tidak berjaya dipertahankan.

Dominasi UMNO di kawasan sepanjang aliran Sungai Perak berjaya diruntuhkan oleh Perikatan Nasional (PN). Pada PRU-15, UMNO menerima persaingan daripada Perikatan Nasional iaitu sebuah gabungan parti yang didominasi politik Melayu. Kerjasama parti Melayu dalam PN berhasil membentuk kekuatan mencabar kedudukan UMNO dalam persaingan meraih sokongan pengundi Melayu.⁷⁷ Hasilnya, PN berjaya menembusi kerusi yang dianggap sebagai kubu kuat UMNO selama ini iaitu dengan memenangi 10 kerusi DUN di kawasan sepanjang Sungai Perak. PAS menerima kelebihan dalam pengagihan kerusi di kawasan ini iaitu diperuntukkan sebanyak 9 kerusi untuk bertanding. Daripada jumlah itu, calon daripada PAS berjaya menyumbangkan kemenangan sebanyak 6 kerusi DUN. PPBM pula berjaya memenangi 4 kerusi daripada 6 kerusi DUN yang diagihkan. Keputusan PRU-15 jelas menunjukkan bahawa UMNO menghadapi kemerosotan sokongan merujuk kepada bilangan undi yang diterima. Calon daripada UMNO pada umumnya tidak menerima peningkatan undi yang banyak berbanding PN. Malah, parti ini mengalami pengurangan undi berbanding pilihan raya sebelum iaitu PRU-14 di 5 kerusi iaitu DUN Kenering, Bukit Chandan, Manong, Sungai

Manik dan Changkat Jong.⁷⁸ Sementara itu, calon Melayu daripada Amanah dan PKR iaitu daripada gabungan PH juga sebahagian besarnya mengalami pengurangan jumlah undi. Pengundi Melayu yang sebelum ini banyak memihak kepada UMNO kini telah mengalihkan sokongan dengan memberikan undi mereka kepada PN.

Jadual 1.5, Keputusan PRU-15 bagi Kerusi DUN di sepanjang Aliran Sungai Perak

DUN	PRU-15 (2022)	Menang	Undi (Majoriti)
N1 Pengkalan Hulu	PAS (PN)	7,114 (1,324)	
N2 Temengor	UMNO (BN)	8,468 (1,048)	
N3 Kenering	PAS (PN)	7,664 (763)	
N4 Kota Tampan	UMNO (BN)	5,468 (1,237)	
N19 Chenderoh	PPBM (PN)	5,342 (75)	
N20 Lubok Merbau	PAS (PN)	7,722 (2,955)	
N21 Lintang	UMNO (BN)	12,025 (5,280)	
N34 Bukit Chandan	PPBM (PN)	6,550 (1,164)	
N35 Manong	PAS (PN)	8,220 (2,912)	
N39 Belanja	UMNO (BN)	6,374 (1,223)	
N40 Bota	PAS (PN)	11,275 (1,963)	
N49 Sungai Manik	PPBM (PN)	11,610 (3,950)	
N50 Kampong Gajah	PAS (PN)	15,634 (3,757)	
N53 Rungkup	UMNO (PN)	7,023 (3,409)	
N56 Changkat Jong	PPBM (PN)	13,232 (1,087)	

Sumber: Data Terbuka Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia

Kejayaan Perikatan Nasional memecahkan dominasi UMNO di kawasan sepanjang aliran Sungai Perak merupakan sesuatu yang tidak disangka. Hal demikian merujuk kepada prestasi PAS dan PPBM pada sebelum PRU-15. Keputusan PAS yang berjaya menyumbang banyak kemenangan kepada PN di kawasan aliran Sungai Perak ini sebenarnya agak tidak diduga berdasarkan dua faktor. Pertama, meskipun mampu memberikan saingan kepada UMNO. Tetapi PAS seringkali menghadapi kebuntuan untuk menafikan kemenangan UMNO dalam pilihan raya. Justeru itu, prestasi PAS dianggap tidak meyakinkan lebih lagi situasi 3 penjuru dilihat lebih menguntungkan UMNO seperti mana berlaku pada PRU-14. Faktor kedua, gambaran prestasi PAS secara menyeluruh melibatkan kesemua kerusi DUN Perak juga tidak meyakinkan bahawa parti itu mampu memberi saingan kuat dalam PRU-15. Kerusi DUN yang dimenangi PAS sepanjang 3 siri pilihan raya terakhir semakin merosot dan hanya berjaya memenangi 3 kerusi pada PRU-14. Tiga kerusi DUN tersebut adalah Selama, Kubu Gajah dan Gunong Semanggol iaitu merupakan kerusi DUN diluar di kawasan aliran Sungai Perak. Manakala, tiada kerusi parlimen di Perak yang berjaya dimenangi PAS.⁷⁹ Justeru itu, pertembungan 3 penjuru yang berterusan pada PRU-15 dianggap kekal memberi kesukaran.

Penglibatan PPBM dalam memberi nilai tambah bersama PAS pula sukar untuk dijangka. Hal ini berdasarkan faktor kekuatan PPBM melibatkan keseluruhan negeri Perak yang sebelum ini hanya berjaya memenangi 1 kerusi DUN (Chenderiang) dan parlimen (Tambun) sahaja pada PRU-14 yang bertanding atas tiket PH. Sebelum PRU-15 juga, prestasi PPBM yang bertanding bersama PAS dalam menghadapi pilihan raya negeri Melaka dan Johor agak tidak memberangsangkan. PPBM hanya berjaya memenangi 2 kerusi DUN daripada 15 calon yang diletakkan dalam PRN Melaka pada tahun 2021.⁸⁰ Manakala, PRN Johor pula PPBM hanya memenangi 2 kerusi DUN daripada 33 kerusi yang diletakkan calon bertanding.⁸¹ Namun begitu, kejutan PRU-15 menceritakan perkara berbeza di mana dua parti Melayu ini yang bersatu dalam gabungan PN berjaya meruntuhkan dominasi UMNO di kawasan tumpuan pengundi Melayu sepanjang aliran Sungai Perak.

Penguasaan PAS-PN di Bahagian Utara Negeri Perak pada PRU-15

Pada peringkat awal, pertembungan politik Melayu di kawasan bahagian utara negeri Perak pada Pilihan Raya Umum ke-15 dijangka berlaku persaingan sengit dan keputusan yang seimbang. Jangkaan tersebut berdasarkan keadaan persaingan politik di kawasan ini dalam beberapa siri pilihan raya. Kedinamikan dan keseimbangan persaingan politik di kawasan ini mampu memberikan peluang terbuka kepada kepada mana-mana parti politik Melayu terutama sekali melibatkan persaingan antara UMNO dan PN. Amanah dan PKR dijangka menghadapi kesukaran berikutan keputusan PRU-14 yang sebenarnya menunjukkan bahawa PH tidak begitu popular dalam kalangan undi Melayu di luar bandar.⁸² Isu-isu melibatkan sentimen orang Melayu yang tidak berjaya diuruskan secara baik ketika tempoh pentadbiran PH pula lebih menimbulkan defisit kepercayaan pengundi Melayu kepada gabungan parti itu.⁸³ Justeru itu, persaingan sengit dijangka tertumpu kepada pertembungan UMNO dan PN yang dibantu dengan pengaruh sokongan PAS. Namun begitu, keputusan PRU-15 mencatatkan situasi berbeza berbanding seperti yang dijangka iaitu berlakunya persaingan sengit dan keputusan seimbang.

Persaingan seimbang parti politik Melayu pada siri pilihan raya sebelum ini di kawasan utara negeri Perak walau bagaimanapun tidak terjadi pada PRU-15. UMNO gagal menyaingi persaingan daripada PN dan mengalami kemuruduman prestasi pada pilihan raya ini. PN mendominasi persaingan politik Melayu setelah berjaya memenangi semua kerusi iaitu 12 kerusi DUN secara keseluruhan. Berikut merupakan keputusan PRU-15 yang menjelaskan dominasi PN di bahagian utara negeri.⁸⁴

Jadual 1.6, Keputusan PRU-15 bagi Kerusi DUN di Kawasan Bahagian Utara Negeri Perak

DUN	PRU-15 (2022)	Menang	Undi (Majoriti)
N5 Selama		PAS (PN)	10,358 (5,358)
N6 Kubu Gajah		PAS (PN)	9,868 (4,322)
N7 Batu Kurau		PPBM (PN)	8,806 (3,218)
N8 Titi Serong		PAS (PN)	13,565 (5,274)
N9 Kuala Kurau		PPBM (PN)	10,309 (1,347)
N10 Alor Pongsu		PAS (PN)	12,825 (7,466)
N11 Gunong Semanggol		PAS (PN)	10,622 (4,015)
N12 Selinsing		PAS (PN)	8,693 (3,279)
N13 Kuala Sepetang		PPBM (PN)	12,582 (3,580)
N14 Changkat Jering		PAS (PN)	11,790 (3,151)
N15 Trong		PAS (PN)	5,671 (616)
N16 Kamunting		PAS (PN)	13,045 (3,100)

Sumber: Data Terbuka Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia

Sokongan pengundi Melayu di kawasan utara negeri yang sebelum ini bersifat seimbang mula berubah pada PRU-15. Sokongan besar pengundi Melayu tertumpu kepada PN yang berjaya memenangi 12 kerusi DUN secara keseluruhan. Kemenangan tersebut menandakan dominasi PN di kawasan ini setelah berjaya memadamkan persaingan daripada pihak lawan iaitu UMNO dan PH. Bahkan, gabungan parti ini juga berjaya memenangi kerusi DUN yang pernah dikuasai pihak lawan selama tempoh 3 siri pilihan raya iaitu menamatkan penguasaan UMNO bagi kerusi DUN Batu Kurau, Alor Pongsu dan Trong. Seterusnya, memenangi kerusi DUN Kuala Kurau yang disandang calon daripada PKR sejak PRU-12. PN mudah mendapat sokongan besar pengundi Melayu biarpun gabungan politik tersebut masih bersifat baru. Berdasarkan situasi ini, dominasi PN dibantu oleh PAS yang memiliki pengaruh

sokongan di kawasan tumpuan orang Melayu ini.⁸⁵ Calon terbanyak daripada gabungan parti ini datang daripada PAS iaitu bertanding di 9 kerusi DUN. PAS mendominasi bilangan calon berbanding PPBM yang hanya diletakkan untuk bertanding sebanyak 3 kerusi DUN sahaja. Walau bagaimanapun, semua calon daripada dua gabungan parti ini berjaya memenangi persaingan daripada pihak lawan dan menyumbangkan kemenangan kerusi kepada PN dalam DUN Perak. PAS dan PPBM berjaya membentuk gelombang kemenangan sehingga menafikan sebarang persaingan daripada parti lawan.⁸⁶

Pada PRU-15, UMNO dan PH tidak berjaya memenangi sebarang kerusi. PKR gagal mempertahankan kerusi DUN Kuala Kurau iaitu kerusi tunggal yang pernah dimenangi selama 3 siri pilihan raya sejak PRU-12. Amanah sebagai parti pecahan daripada PAS juga tidak berjaya menawarkan alternatif parti yang mengangkat aras perjuangan Islam. UMNO mengalami kemuruduman prestasi begitu ketara sekali dalam konteks persaingan politik Melayu di kawasan utara negeri Perak. Begitu juga UMNO yang mengalami kemeruduman prestasi begitu ketara sekali. Bukan sahaja tidak berjaya mempertahankan 6 kerusi DUN di bahagian utara negeri Perak iaitu DUN Batu Kurau, Alor Pongsu, Selinsing, Kuala Sepetang, Changkat Jering dan Trong yang pernah dimenangi pada PRU-12. Malah UMNO gagal memenangi sebarang kerusi DUN di kawasan ini setelah tewas kepada semua calon PN. Keputusan PRU-15 di kawasan ini menunjukkan bahawa UMNO menghadapi defisit kepercayaan pengundi Melayu yang sebahagian besarnya mengalihkan sokongan kepada PN. Malah, UMNO menerima pengurangan bilangan undi melibatkan 5 daripada 6 kerusi yang pernah disandang sebelumnya iaitu DUN Batu Kurau, Selinsing, Kuala Sepetang, Changkat Jering dan Trong. UMNO menghadapi persaingan kuat daripada PN yang memiliki kekuatan daripada PAS dan ditambah pula kerjasama parti itu daripada PPBM. PN berjaya mencipta gelombang kemenangan sehingga membentuk dominasi kerusi DUN di kawasan utara negeri Perak.

KESIMPULAN

Kedudukan politik Melayu di sepanjang aliran Sungai Perak dan bahagian utara negeri Perak tertumpu kepada persaingan antara UMNO dan PAS yang memiliki sejarah pertembungan panjang. Latar sejarah dan ciri identiti politik berdasarkan budaya dan agama telah menjadikan dua parti politik ini memiliki tempat dalam sokongan pengundi Melayu. Masyarakat Melayu di dua kawasan ini yang memiliki idea konservatisme politik Melayu telah menjadi UMNO dan PAS mendapat tempat dan sokongan besar. Sebelum PRU-15, dua kawasan majoriti pengundi Melayu di negeri Perak ini mencatatkan ciri pola pengundian berbeza.

Terdapat ciri kedinamika melibatkan persaingan politik Melayu di bahagian utara negeri Perak dengan tiadanya dominasi sepenuhnya oleh sesuatu parti politik. PAS yang memiliki sokongan besar di kawasan ini berjaya mengimbangi persaingan daripada UMNO. Sementara itu, kawasan sepanjang aliran Sungai Perak pula mencatatkan situasi berbeza. Sepanjang PRU-11 hingga PRU-14, UMNO yang dianggap sebagai parti politik “keramat” orang Melayu memiliki dominasi di sepanjang aliran Sungai Perak. Perbezaan pola pengundian melibatkan dua kawasan ini menonjolkan ciri menarik dalam persaingan politik Melayu di negeri Perak. Walau bagaimanapun, kedudukan UMNO dalam menguasai undi Melayu di kawasan tumpuan ini akhirnya berjaya dicabar oleh Perikatan Nasional iaitu sebuah gabungan politik baru. PAS bersama PPBM yang mendominasi gabungan parti ini berjaya menewaskan banyak calon-calon UMNO di kawasan sepanjang aliran Sungai Perak. Berdasarkan situasi ini, PAS menyumbang kekuatan besar kepada gelombang kebangkitan PN dalam menerima sokongan besar orang Melayu. Pengaruh sokongan akar umbi PAS ini seterusnya memberikan kekuatan kepada gabungan parti ini dengan memenangi semua kerusi majoriti Melayu di bahagian utara

negeri Perak. Malah, gelombang kebangkitan PAS-PN ini berjaya menafikan sebarang kemenangan daripada calon UMNO di kawasan ini.

NOTA

¹ Data Bancian Penduduk dan Perumahan Malaysia tahun 2020 (Negeri Perak), Jabatan Perangkaan Malaysia.

² Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali, Abdul Halim Sidek, dkk, Analisis Trend Pengundian Berdasarkan Kaum di Kawasan Bukit Gantang, Perak, *e-Bangi : Journal of Social Sciences and Humanities*, vol. 5. No. 1, 2010, hlm. 27.

³ Nurul Syafiza Rusli dan Junaidi Awang Besar, Geografi Politik dan Pilihan Raya Di Kawasan Parlimen (P073) Pasir Salak, Perak Darul Ridzuan, *Jurnal Wacana Sarjana*, Vol. 6 (3), 2021, hlm. 5.

⁴ Jelani Harun, *Umpama Sebuah Bahtera: Kajian Naskhah Melayu Sejarah Kesultanan Negeri Perak*, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur, 2011, hlm. 18.

⁵ Fawzi Basri, *Cempaka Sari: Sejarah Kesultanan Negeri Perak*, Yayasan Perak, Ipoh, 1986, hlm. 9-10.

⁶ Fawzi Basri, 1986, hlm. 29-32.

⁷ Fawzi Basri, 1986, hlm. 109-110.

⁸ Norbi Husin, Sistem Politik dan Masyarakat Negeri Perak Sebelum 1874: Suatu Gambaran Umum, *JEBAT: Malaysian Journal of History, Politics and Strategic Studies*, No. 03-04, 1973, hlm. 35.

⁹ Norbi Husin, 1973, hlm. 29.

¹⁰ 14th General Election Malaysia, 2018, www.election.thestar.com.my/ge14. (Diakses pada 25 Januari 2023).

¹¹ Data daripada laman sesawang The Star. Sila lihat, 14th General Election Malaysia, 2018, www.election.thestar.com.my/ge14. (Diakses pada 25 Januari 2023).

¹² Sementara itu, DUN Lintang juga memiliki bilangan pengundi Orang Asli yang agak tinggi iaitu sebanyak 13.34 peratus. Pengundi Orang Asli di DUN ini merupakan bilangan kedua tertinggi dalam DUN Perak. 14th General Election Malaysia, 2018, www.election.thestar.com.my/ge14. (Diakses pada 25 Januari 2023).

¹³ Wilkinson R.J, *Papers on Malay Subject, a History of the Peninsular Malays with Chapters on Perak & Selangor*, Kelly & Walsh Limites, Singapore, 1923, hlm 86.

¹⁴ Siti Noor Hafizah Mohamed Sharif, Penghijrahan Masyarakat Melayu ke Kerian, Perak (1816-1873), *Kajian Malaysia*, Vol. 38, No. 2, 2020, hlm. 156-157. .

¹⁵ Ahmat Adam, *Melayu Nasionalisme, Radikal dan Pembinaan Bangsa*, Penerbit Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2013, hlm. 37-38.

¹⁶ Maemun Md. Sabari, Sejarah Pendidikan Agama Islam di Negeri Perak Tumpuan Kajian di Madrasah Idrisiah dan Madrasah Al Diniah - Yahyawiah, *Latihan Ilmiah*, Jabatan Sejarah Universiti Kebangsaan Malaysia, 1974, hlm. 43

¹⁷ 14th General Election Malaysia, 2018, www.election.thestar.com.my/ge14. (Diakses pada 25 Januari 2023).

¹⁸ Perikatan memiliki penguasaan kerusi di peringkat negeri Perak sejak Pilihan Raya pada tahun 1955. Pada pilihan raya ini, Perikatan berjaya memenangi 31 daripada 40 kerusi DUN. Manakala PAS hanya berjaya memenangi satu kerusi iaitu DUN Krian Barat. Sila lihat, The Straits Times, Another Mr. Opposition Pips UMNO Man, 14 November 1955 dan Federation of Malaya (The Election Commission), Report on the Parliamentary and State Elections 1959, Government Press, Kuala Lumpur, 1960, hlm. 9.

¹⁹ Federation of Malaya, Federation of Malaya (The Election Commission), 1960, hlm. 9.

-
- ²⁰ Anthony Milner, *Kerajaan: Budaya Politik Melayu di Ambang Pemerintahan Kolonial*, Strategic Information and Research Development Centre, Petaling Jaya, 2016, hlm. 19.
- ²¹ Funston J., *Malay Politics in Malaysia: a Study of the United Malays National Organisation and Party Islam*, Heinemann Educational Books, Kuala Lumpur, 1980, hlm. 78-79.
- ²² Muhammad Takiyuddin, Konservatisme dalam Politik UMNO, *JEBAT: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, Vol. 38 (1), 2011, hlm. 70-71.
- ²³ Mazli Bidu dan Jamaie Hamil, Neofeudal UMNO: Politik dan Pembangunan Luar Bandar, Strategic Information and Research Development Centre (SIRD), Petaling Jaya, 2018, hlm. 10-11.
- ²⁴ Data Terbuka Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia, Pilihan Raya Umum ke-11, 13 dan 14.
- ²⁵ Data Terbuka Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia, Pilihan Raya Umum ke-12.
- ²⁶ Calon BN kalah kepada calon PAS yang mendapat undi sebanyak 4,664. Sila lihat, Data Terbuka Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia, Pilihan Raya Umum ke-12.
- ²⁷ Calon BN kalah kepada calon PAS yang mendapat undi sebanyak 8,705. Sila lihat, Sila lihat, Data Terbuka Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia, Pilihan Raya Umum ke-12.
- ²⁸ Muhamad Nadzri, Pilihan Raya dan Politik Malaysia Pasca Pru 2018: Persaingan, Dinamik Dan Implikasi, *JEBAT: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, Vol. 47 (1), 2020, hlm. 154.
- ²⁹ Juga tidak terkecuali melibatkan kemenangan calon UMNO diluar kawasan aliran Sungai Perak. Data Terbuka Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia, Pilihan Raya Umum ke-14.
- ³⁰ Muhamad Nadzri dan Jamaie Hj. Hamil, Politik, Pengundi dan Faktor Melayu/Bumiputera: Analisis Terhadap Kegagalan Barisan Nasional dalam PRU 2018, *JEBAT: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, Vol. 45, (2), 2018, hlm. 398-399.
- ³¹ Mohammad Agus Yusoff dan Muhammad Mashril, Pengaruh Aktor Campur Tangan Halus dalam Pru-14, *JEBAT: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, Vol. 46 (2), 2019, hlm. 186.
- ³² Muhammad Ariff Asyrum Adnan dan Sity Daud, Manifesto Barisan Nasional dan Kejatuhan Najibomics dalam Pilihan Raya Umum Malaysia ke-14, *JEBAT: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, Vol. 45 (2), 2018, hlm. 353.
- ³³ Muhamad Takiyuddin, Kejatuhan UMNO dalam Pilihan Raya Umum Ke-14: Analisis Pengajaran Politik, *JEBAT: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, Vol. 45, (2), 2018, hlm. 332-333.
- ³⁴ Muhamad Takiyuddin, 2018, hlm. 332-333.
- ³⁵ Junaidi Awang Besar, Perubahan Politik dalam Pilihan Raya Umum (PRU) ke-14, 2018 di Malaysia, *GEOGRAFIA: Malaysian Journal of Society and Space*, No. 15, Issue 4, 2019, hlm. 228.
- ³⁶ Data Terbuka Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia, Pilihan Raya Umum ke-12.
- ³⁷ Data Terbuka Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia, Pilihan Raya Umum ke-13.
- ³⁸ Kerusi Kuala Sepetang memiliki majoriti pengundi 60 peratus. Tetapi Gerakan dari BN dan PKR masing-masing meletakkan calon Cina. Data Terbuka Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia, Pilihan Raya Umum ke-12.
- ³⁹ Zaireeni Azmi, PAS: Permuafakatan Politik Sebagai Tapak Integrasi dan Peranan Wanita, *JEBAT: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, Vol. 47 (3), 2020, hlm. 440-441.
- ⁴⁰ Muhamad Nadzri dan Jamaie Hj. Hamil, 2018, hlm. 397.
- ⁴¹ Data Terbuka Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia, Pilihan Raya Umum ke-14.
- ⁴² Kepimpinan Biro Agama kecewa terhadap pendekatan pemimpin UMNO yang bercanggah dengan Islam seperti tindakan penganjuran loteri. Sila lihat, Funston J., 1980, hlm. 93.
- ⁴³ Ibnu Hasyim, *PAS Kuasai Malaysia?: 1950-2000 Sejarah Kebangkitan dan Masa Depan*, GG Edar, Kuala Lumpur, 1993, hlm. 145.

-
- ⁴⁴ Zaireeni Azmi, 2020, hlm. 439.
- ⁴⁵ Mohd Azizi Jaeh dan Muhamad Takiyuddin Ismail, *Parti Keadilan Rakyat (PKR) dan Intelektual Liberal: Kelahiran dan Evolusi Idea*. AKADEMIKA, 90 (1), 2020, hlm. 166.
- ⁴⁶ Harian Metro, BN Yakin Tawan 30 DUN pada PRU-15, 25 Oktober 2022.
- ⁴⁷ Sinar Harian, PRU15: PN Dominasi DUN Perak, 20 November 2022.
- ⁴⁸ Junaidi Awang Besar, Pilihan Raya Umum Malaysia ke-15: Pola Sokongan Pengundi Berdasarkan Faktor Kewilayahannya, *e-Bangi: Journal of Social Sciences and Humanities*, Volume 20, Issue 1, 2023, hlm. 174.
- ⁴⁹ Adibah Yasmin Alias dan Jamaie Haji Hamil, Keberkesanan Strategi Perikatan Nasional dalam Pilihan Raya Umum ke-15 di Semenanjung Malaysia: Penonjolan Golongan Islamis, *JEBAT: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, Vol. 50 (4), 2023, hlm. 466.
- ⁵⁰ DO 169/526: British High Commission, 29 December 1964.
- ⁵¹ Sinar Harian, PRU15: PAS Yakin PN Tak Perlu Gabungan Lain di Perak, 15 November 2022.
- ⁵² Adibah Yasmin Alias dan Jamaie Haji Hamil, 2023, hlm. 464
- ⁵³ Beliau membuat dakwaan bahawa Anwar Ibrahim mahu membawa agenda LGBT. DAP juga disebut dalam ucapannya mahu membawa ideologi komunis. Kenyataan tersebut disebut ketika melakukan kempen pilihan raya di Pasar malam Tebuk Pancur, Simpang Empat Semanggol. Sila lihat, Isabelle Leong, Razman Dakwa Anwar Bawa Agenda LGBT, Bimbang Kerjasama PH-BN, 6 November 2022, <https://www.malaysiakini.com/news/642861>. (Diakses pada 4 Februari 2023).
- ⁵⁴ Berita Harian, Hadi Tak Akan Tarik Balik Dakwaan DAP Sokong Ideologi Komunis, 10 November 2022.
- ⁵⁵ Seorang pelakon, Zul Huzaimy dalam satu ceramah PAS di Kemaman, Terengganu didakwa mengeluarkan kenyataan berbentuk ekstrem iaitu menyebut mengenai hasrat untuk menyembelih kafir harbi yang menentang Islam. Sila lihat, Utusan Malaysia, Mahu Sembelih Orang Bukan Islam, Zul Huzaimy Mohon Maaf, 14 November 2022.
- ⁵⁶ Isabelle Leong, Razman Dakwa Anwar Bawa Agenda LGBT, Bimbang Kerjasama PH-BN, 6 November 2022, <https://www.malaysiakini.com/news/642861>. (Diakses pada 4 Februari 2023).
- ⁵⁷ Berita Harian, Rafizi Buat Laporan terhadap Pelakon Zul Huzaimy, Ketua Pemuda PAS, 15 November 2022.
- ⁵⁸ Isabelle Leong, Razman Dakwa Anwar Bawa Agenda LGBT, Bimbang Kerjasama PH-BN, 6 November 2022, <https://www.malaysiakini.com/news/642861>. (Diakses pada 4 Februari 2023).
- ⁵⁹ Shah Mohd Akmal Abdul Halim dan Muhamad Takiyuddin Ismail, Antara Kubu dan Lubuk: Transisi Politik Johor dalam Pilihan Raya Umum Ke-15, *JEBAT: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, Vol. 50 (2), 2023, hlm. 190.
- ⁶⁰ Adibah Yasmin Alias dan Jamaie Haji Hamil, 2023, hlm. 566.
- ⁶¹ Ariff Aizuddin Azlan dan Muhamad Nadzri Mohamed Noor, Dari Barisan Ke Perikatan: Politik, Parti, dan Pengundi Melayu dalam Pilihan Raya Umum 2022, *JEBAT: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, Vol. 50 (2), 2023, hlm. 147-148.
- ⁶² Adibah Yasmin Alias dan Jamaie Haji Hamil, 2023, hlm. 465.
- ⁶³ Adibah Yasmin Alias dan Jamaie Haji Hamil, 2023, hlm. 456.
- ⁶⁴ Utusan Malaysia, UMNO Tamak Kuasa Jika Keluar Kerajaan PN, 29 Jun 2021.
- ⁶⁵ Shah Mohd Akmal Abdul Halim dan Muhamad Takiyuddin Ismail, 2023, hlm. 189.
- ⁶⁶ Shah Mohd Akmal Abdul Halim dan Muhamad Takiyuddin Ismail, 2023, hlm . 194.
- ⁶⁷ Ariff Aizuddin Azlan dan Muhamad Nadzri Mohamed Noor, 2023, hlm. 150.

⁶⁸ Berita Harian, “Tak Sangka Separah, Seteruk Ini...” - Tok Mat Ulas Kekalahan UMNO pada PRU15, 11 Januari 2023.

⁶⁹ Berita Harian, Tajuddin Digugur Ahli MKT UMNO, 24 Jun 2022.

⁷⁰ Anon, “Terima Kasih Zahid Kerana Hancurkan Perpaduan Umno Pasir Salak”, 2 November 2022, <https://www.malaysiakini.com/news/642049>. (Diakses pada 8 Februari 2023). Pada PRU-15, UMNO kehilangan penguasaan kerusi Parlimen Pasir Salak serta dua DUN iaitu Batu Gajah dan Sungai Manek setelah tewas kepada calon PN.

⁷¹ Nizam Zain, Gugur Tajuddin Hancurkan Perpaduan UMNO Pasir Salak – Faizal, 2 November 2022, <https://malaysiagazette.com/2022/11/02/gugur-tajuddin-hancurkan-perpaduan-umno-pasir-salak-faizal>. (Diakses pada 6 Februari 2023).

⁷² Harian Metro, PRU-15: UMNO Tolak Calon ‘Besar Kepala’ – Zahid, 28 Oktober 2022.

⁷³ Berita Harian, PRU15: Akhirnya UMNO Gerik Terima Asyraf Wajdi, 5 November 2022. Sebagai catatan, PN pada PRU-15 berjaya merampas kemenangan kerusi Parlimen Gerik dan DUN Pengkalan Hulu yang sebelum ini dikuasai UMNO. Manakala UMNO masih dapat mempertahankan DUN Temenggor.

⁷⁴ Berita Harian, UMNO Perak Kesan 50 Ahli Sabotaj Parti, 19 Mac 2023.

⁷⁵ Bridget Welsh, Ulasan: Gelombang Biru PRU15? (Bahagian 1), 17 November 2022, <https://www.malaysiakini.com/news/644528>. (Diakses pada 25 Februari 2024).

⁷⁶ Ariff Aizuddin Azlan dan Muhamad Nadzri Mohamed Noor, 2023, hlm. 149-150.

⁷⁷ Ariff Aizuddin Azlan dan Muhamad Nadzri Mohamed Noor, 2023, hlm. 141.

⁷⁸ Data Terbuka Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia, Pilihan Raya Umum ke-15.

⁷⁹ Data Terbuka Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia, Pilihan Raya Umum ke-14.

⁸⁰ Siti Noranizahhafizah Boyman, Pilihan Raya Negeri Melaka 2021: Cerminan Pilihan Raya Umum 15?, *JEBAT: Malaysian Journal of History, Politics and Strategic Studies*, Vol. 48 (3), 2021, hlm. 111.

⁸¹ Shah Mohd Akmal Abdul Halim dan Muhamad Takiyuddin Ismail, 2023, hlm. 185.

⁸² Junaidi Awang Besar, 2023, hlm. 171.

⁸³ Adibah Yasmin Alias dan Jamaie Haji Hamil, 2023, hlm. 464.

⁸⁴ Data Terbuka Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia, Pilihan Raya Umum ke-15.

⁸⁵ Penganalisis politik, Bridget Welsh dan Chin Yee Mun menyifatkan bahawa PN memiliki asas sokongan daripada penyokong PAS yang memberikan sumbangan penting kepada kejayaan PN memenangi undi orang Melayu. Sila lihat, Bridget Welsh, Ulasan: Gelombang Biru PRU15? (Bahagian 1), 17 November 2022, <https://www.malaysiakini.com/news/644528>. (Diakses pada 25 Februari 2024) dan Chin Yee Mun, PAS Mampu Bantu PN Tawan Perak, Pahang, kata penganalisis, 29 Oktober 2023, <https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/10/29/pas-mampu-bantu-pn-tawan-perak-pahang-kata-penganalisis>. (Diakses pada 26 Februari 2024).

⁸⁶ Sinar Harian, PRU15: PN Dominasi DUN Perak, 20 November 2022.

RUJUKAN

- “Tak Sangka Separah, Seteruk Ini...” - Tok Mat Ulas Kekalahan UMNO pada PRU15.” 2023. *Berita Harian*, 11 Januari.
- “Another Mr. Opposition Pips Umno Man.”, 1955. *The Straits Times*, 14 November.
- “Hadi Tak Akan Tarik Balik Dakwaan DAP Sokong Ideologi Komunis.” 2022. *Berita Harian*, 10 November.
- “Mahu Sembelih Orang Bukan Islam, Zul Huzaimey Mohon Maaf.”.2022. *Utusan Malaysia*, 14 November.
- “Rafizi Buat Laporan terhadap Pelakon Zul Huzaimey, Ketua Pemuda PAS.” 2022. *Berita Harian*, 15 November.
- “Tajuddin Digugur Ahli MKT UMNO.” 2022. *Berita Harian*, 24 Jun.
- “UMNO Perak Kesan 50 Ahli Sabotaj Parti.” 2023. *Berita Harian*, 19 Mac.
- “UMNO Tamak Kuasa Jika Keluar Kerajaan PN.” 2021. *Utusan Malaysia*, 29 Jun.
- 14th General Election Malaysia. 2018. [Www.Election.Thestar.Com.My/Ge14](http://www.Election.Thestar.Com.My/Ge14). (Diakses Pada 25 Januari 2023).
- Adibah Yasmin Alias dan Jamaie Haji Hamil. 2023. “Keberkesanan Strategi Perikatan Nasional dalam Pilihan Raya Umum ke-15 di Semenanjung Malaysia: Penonjolan Golongan Islamis.” *JEBAT: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies* 50(4): 451-473.
- Ahmat Adam. 2013. *Melayu Nasionalisme, Radikal Dan Pembinaan Bangsa*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Anon. 2 November 2022. “Terima Kasih Zahid Kerana Hancurkan Perpaduan Umno Pasir Salak”. <https://www.malaysiakini.com/news/642049>. (Diakses pada 8 Februari 2023).
- Ariff Aizuddin Azlan dan Muhamad Nadzri Mohamed Noor. 2023. “Dari Barisan Ke Perikatan: Politik, Parti, dan Pengundi Melayu dalam Pilihan Raya Umum.” 2022. *JEBAT: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies* 50(2): 137-153.
- Berita Harian. 5 November 2022. PRU15: Akhirnya UMNO Gerik Terima Asyraf Wajdi.
- Chin Yee Mun. 29 Oktober 2023. “PAS Mampu Bantu PN Tawan Perak, Pahang, kata penganalisis.”<https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/10/29/pas-mampu-bantu-pn-tawan-perak-pahang-kata-penganalisis>. (diakses pada 26 Februari 2024).
- DO 169/526. 1964. British High Commission. 29 December 1964.
- Fawzi Basri. 1986. *Cempaka Sari: Sejarah Kesultanan Negeri Perak*. Ipoh: Yayasan Perak.
- Federation Of Malaya (The Election Commission). 1960. Report On The Parliamentary and State Elections 1959. Kuala Lumpur: Government Press.
- Funston J. 1980. *Malay Politics In Malaysia: A Study Of The United Malays National Organisation And Party Islam*. Kuala Lumpur: Heinemann Educational Books.
- Harian Metro. 25 Oktober 2022. BN Yakin Tawan 30 DUN pada PRU-15.
- Harian Metro. 28 Oktober 2022. PRU-15: Umno Tolak Calon ‘Besar Kepala’ – Zahid.
- Ibnu Hasyim. 1993. *PAS Kuasai Malaysia?: 1950-2000 Sejarah Kebangkitan dan Masa Depan*. Kuala Lumpur: GG Edar.
- Isabelle Leong. 6 November 2022. “Razman Dakwa Anwar Bawa Agenda LGBT, Bimbang Kerjasama PH-BN.” <https://www.malaysiakini.com/news/642861>. (diakses pada 4 Februari 2023).
- Jabatan Perangkaan Malaysia. 2021. Data Bancian Penduduk dan Perumahan Malaysia Tahun 2020 (Negeri Perak).
- Jelani Harun. 2011. *Umpama Sebuah Bahtera: Kajian Naskhah Melayu Sejarah Kesultanan Negeri Perak*. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.

- Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali, Abdul Halim Sidek, dkk. 2010. "Analisis Trend Pengundian Berdasarkan Kaum di Kawasan Bukit Gantang, Perak". *e-Bangi : Journal of Social Sciences and Humanities* 5(1): 26-37.
- Junaidi Awang Besar. 2019. "Perubahan Politik Dalam Pilihan Raya Umum (PRU) ke-14, 2018 di Malaysia." *Geografia: Malaysian Journal Of Society And Space*.15(4): 220-232.
- Junaidi Awang Besar. 2023. "Pilihan Raya Umum Malaysia ke-15: Pola Sokongan Pengundi Berdasarkan Faktor Kewilayahannya." *e-Bangi: Journal of Social Sciences and Humanities* 20(1): 168-180.
- Maemun Md. Sabari. 1974. Sejarah Pendidikan Agama Islam Di Negeri Perak Tumpuan Kajian Di Madrasah Idrisiah Dan Madrasah Al Diniah – Yahyawiah. Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mazli Bidu dan Jamaie Hamil. 2018. *Neofeudal Umno: Politik Dan Pembangunan Luar Bandar*. Petaling Jaya: Strategic Information And Research Development Centre.
- Milner, Anthony. 2016. *Kerajaan: Budaya Politik Melayu Di Ambang Pemerintahan Kolonial*. Petaling Jaya: Strategic Information And Research Development Centre.
- Mohammad Agus Yusoff dan Muhammad Mashril. 2019. "Pengaruh Aktor Campur Tangan Halus falam PRU-14." *JEBAT: Malaysian Journal Of History, Politics & Strategic Studies* 46 (2): 178-195.
- Mohd Azizi Jaeh dan Muhamad Takiyuddin Ismail. 2020. "Parti Keadilan Rakyat (PKR) dan Intelektual Liberal: Kelahiran dan Evolusi Idea." *AKADEMIKA* 90 (1): 165-179.
- Muhamad Nadzri dan Jamaie Hj. Hamil. 2018. "Politik, Pengundi dan Faktor Melayu/Bumiputera: Analisis Terhadap Kegagalan Barisan Nasional dalam PRU 2018." *JEBAT: Malaysian Journal Of History, Politics & Strategic Studies* 45 (2): 386-408.
- Muhamad Nadzri. 2020. "Pilihan Raya Dan Politik Malaysia Pasca Pru 2018: Persaingan, Dinamik Dan Implikasi." *JEBAT: Malaysian Journal Of History, Politics & Strategic Studies* 47 (1): 150-170.
- Muhamad Takiyuddin. 2018. "Kejatuhan Umno Dalam Pilihan Raya Umum Ke-14: Analisis Pengajaran Politik." *JEBAT: Malaysian Journal Of History, Politics & Strategic Studies* 45(2): 319-341.
- Muhammad Ariff Asyrum Adnan dan Sity Daud. 2018. "Manifesto Barisan Nasional Dan Kejatuhan Najibnomics Dalam Pilihan Raya Umum Malaysia Ke-14." *JEBAT: Malaysian Journal Of History, Politics & Strategic Studies* 45 (2): 343-366.
- Muhammad Takiyuddin. 2011. "Konservatism Dalam Politik Umno." *JEBAT: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies* 38(1): 57-80.
- Nizam Zain. 2022. "Gugur Tajuddin Hancurkan Perpaduan UMNO Pasir Salak – Faizal." <https://malaysiagazette.com/2022/11/02/gugur-tajuddin-hancurkan-perpaduan-umno-pasir-salak-faizal>. (diakses pada 6 Februari 2023).
- Norbi Husin. 1973. "Sistem Politik Dan Masyarakat Negeri Perak Sebelum 1874: Suatu Gambaran Umum." *JEBAT: Malaysian Journal Of History, Politics And Strategic Studies* 03-04: 27-39.
- Nurul Syafiza Rusli dan Junaidi Awang Besar. 2021. "Geografi Politik dan Pilihan Raya Di Kawasan Parlimen (P073) Pasir Salak, Perak Darul Ridzuan." *Jurnal Wacana Sarjana*, 6(3): 1-16.
- Shah Mohd Akmal Abdul Halim dan Muhamad Takiyuddin Ismail. 2023. "Antara Kubu dan Lubuk: Transisi Politik Johor dalam Pilihan Raya Umum Ke-15." *JEBAT: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies* 50(2): 182-199.
- Sinar Harian, PRU15: PN Dominasi DUN Perak, 20 November 2022.
- Sinar Harian. 15 November 2022. PRU15: PAS Yakin PN Tak Perlu Gabungan Lain di Perak.

- Sinar Harian. 20 November 2022. PRU15: PN Dominasi DUN Perak.
- Siti Noor Hafizah Mohamed Sharif. 2020. “Penghijrahan Masyarakat Melayu Ke Kerian, Perak (1816-1873).” *Kajian Malaysia* 38(2): 139-160.
- Siti Noranizahhafizah Boyman. 2021. “Pilihan Raya Negeri Melaka 2021: Cerminan Pilihan Raya Umum 15?” *JEBAT: Malaysian Journal of History, Politics and Strategic Studies* 48 (3): 105-126.
- Suruhanjaya Pilihan Raya. Data Terbuka Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia. Pilihan Raya Umum Ke-11.
- Suruhanjaya Pilihan Raya. Data Terbuka Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia. Pilihan Raya Umum Ke-12.
- Suruhanjaya Pilihan Raya. Data Terbuka Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia. Pilihan Raya Umum Ke-13.
- Suruhanjaya Pilihan Raya. Data Terbuka Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia. Pilihan Raya Umum Ke-14.
- Suruhanjaya Pilihan Raya. Data Terbuka Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia. Pilihan Raya Umum Ke-15.
- Wilkinson R.J. 1923. *Papers On Malay Subject, A History Of The Peninsular Malays With Chapters On Perak & Selangor*. Singapore: Kelly & Walsh Limites.
- Zaireeni Azmi. 2020. PAS: “Permuafakatan Politik Sebagai Tapak Integrasi dan Peranan Wanita.” *JEBAT: Malaysian Journal Of History, Politics & Strategic Studies* 47 (3): 428-462.

Published online: 31 October 2024